

*Jejebu. Sejarah
Perlembagaan Adat
dan Istiadatnya*

Oleh.

KALAM TERJALI.

PENDAHULUAN

Dengan inayah Tuhan Yang Maha Kuasa dapat-lah di-susun buku kecil ini kepangkuan saudara2 yang meminat sejarah Luak Jelebu. Sa-sungguh-nya buku yang di-beri nama Jelebu, Sejarah, Perlembagaan Adat dan Istiadat-nya' ini ada-lah sama sekali jangan di-anggap sabagai authority atau lain2-nya, ha-nya buku ini sabagai satu sumbar bacaan sejarah sahaja.

Selain dari tujuan menchatetkan sejarah yang di-sebarkan dari mulut ka-mulut sahaja maka buku ini sekarang sekurang2-nya sabagai bahan penyiasat bagi mereka menyelami lubok sejarah kampung halaman-nya.

Buku ini saya karang dan susunkan dengan mendapat bahan2 dari perchakapan Mr. M. Seterangan yang di-beri bersendirian oleh orang tua2 dan buku2 chatitan mana2 yang terjumpa.

Sidang pembaca yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan memohon maaf di-atas segala kesilapan2 yang akan di-temui dalam masa membaca nanti, anggap-lah kesalahan2 itu sabagai yang tidak di-sengajakan dan kebetullan jua, sempena Tabal Undang Jelebu hari ini. Bersama2-lah kita membaikki-nya buat masa akan datang ini.

Kuala Kluang,
4hb, November, 1967.

Salam hormat dari,
Penyusun,
KALAM TERJALI

NAMA JELEBU

Jelevu, dahulu-nya di-kenali, sabagai sabuah negeri bergajah tunggal, tetapi hari ini ha-nya sa-bagai sa-buah daripada jajahan Negeri Sembilan sahaja. Nama negeri Jelevu di-kenali oleh orang2 Negeri Sembilan khas-nya, kemashoran-nya ialah dari kerana bangkit-nya Pemutusanya Beraja ka-Johor kerana menuntut bela. Nama orang ini tidak asing lagi kapada pengetahuan anak2 Melayu Jelevu khas-nya warit2 ia itu Dato' Moyang Saileh.

Ia sa-orang yang benchi akan kezaliman. Lebeh2 lagi ia masa itu ada-lah sa-bagai Undang yang bertanggung jawab melindungi ra'ayat-nya, kaum keluarga-nya dari teraniaya walau pun dari raja. Maka sudah sa-layak-nya ia bertindak demikian, tetapi bukan-lah dengan kekerasan, kita hanya dapat berkata ia ada-lah sa-orang yang benar2 bertanggung jawab melindungi ra'ayat dan orang2 yang sangat berharap akan perlindungan dari ketua-nya.

Sa-belom kita mengkaji lebeh lanjut akan hal Undang dan orang besar ini, elok-lah kira-nya kita mengetahui lebeh dahulu serba sedikit akan asal nama luak yang sangat di-pertahankan-nya itu. Nama luak-nya ia-lah Jelevu. Sa-belom daripada Luak ini di-namai dengan nama Jelevu ia terlebih dahulu di-kenali dengan nama Sungai Lumut, ia itu mengikut keadaan sungai yang mula2 di-tempui peneroka2 di-antara genting Langkap dan di-bulu tempat mula2 di-buka luak ini. Keadaan-nya sentiasa berlumut dan penuh oleh-nya sahaja. Nama luak Jelevu ia-lah di-beri oleh Peneroka2 di-situ mengikut cerita orang tua2 ada dua sebab. Satu cerita mengatakan ia di-namakan atas nama sa-orang hamba Allah orang asli di-luak ini yang mati lemas di-dalam sungai Teriang di-sini. Hamba Allah itu bernama Jelevu atau Jelbu. Satu lagi cerita mulut orang tua2 Jelevu ia-lah asal-nya dari biduanda2 Semujong (Sungai Ujong) datang membawa benih labu dari suatu tempat di-Semujong bernama Batang Labu, lalu di-tanam di-sakeliling tempat yang mereka baharu tebang tebas itu dengan benih labu. Maka sangat-lah subur hidup-nya lalu menjar-lah ia dengan buah-nya ter-sangat banyak-nya, lalu mereka pun berpakat2 mengubah nama tempat itu dengan nama tempat pokok jalar labu, atau bila memendekkan ungkapan jalar labu jalalabu, lama2 jadi jelbu lalu akhir-nya jadi-lah ia bernama Jelevu. Dalam pada itu mana2 yang sah-h-nya pun nama asal - Jelevu itu ta'dapat di-ambil keterangan yang berdasarkan buku bertulis ha-nya sebutan belaka.

Mengikut cerita2 mulut cerita Jelevu itu banyak benar cerita2 yang ber-asingan oleh sebab itu elok-lah di-chatitkan dengan ringkas akan hal ahwal Jelevu supaya mudah di-ikut dan di-terima oleh akal pula. Maka asal usul orang membuka jajahan itu bermacam2 juga yang telah di-dapati; tetapi hampir2 juga masuk kapada dongeng jua. Di-cheterakan ada-lah asal mula orang membuka negeri itu di-Kuala Dulang ia-lah di-sebabkan tatkala sampai ka-situ dua orang hamba Allah yang telah mengembara dari Pahang dan dari Pagar Ruyong juga. Sa-orang Pawang Besar dan sa-orang lagi Tukang Telek yang bijaksana juga. Mereka tiba di-suatu rumpun buloh yang tebal di-situ. Maka kata si-pawang, "Chuba kita siasat akan hal-nya apa yang ada di-dalam rumpun buloh ini."

Maka apabila di-tebas tebang di-dapati oleh si-penelek itu ia itu ada di-tengah2 rumpun buloh itu suatu tunggal buloh yang tinggi-nya sa-paras pinggang. Di-

itu ada sa-orang perempuan menungga mereka dekat-nya kelihatan-lah sa-buah balang an di-situ-lah terselimpoh-nya Putri yang jelita itu Kedua2 orang itu pun berola2 tas soal-an siapa yang patut mengahwini Tuan Putri itu. Mendengarkan pertenggaran itu lalu Tuan Putri itu pun berkata, "Hai saudaraku berdua, sabenar-nya-lah kita ini a-waris dan bersaudara, maka dengan takdir Tuhan kita bertemu di-sini pada saat ang baik ini." "Beta tidak boleh berkahwin dengan saudara berdua." Nama beta ia-lah Putri Bongsu, timangan Putri Penyayang, anak raja berdarah putih, hitam tekak, bulu oma songsang. Saudaraku Dato' Hulubalang Misai Beruban dan Hulubalang Hitam, aka-lah negeri ini dan buatlah beta tempat kediaman di-Kuala Dulang. Maka lepas itu pun berkahwin dengan sa-orang sultan. Tetapi ia tidak mengaku ia Raja oleh sebab hendakkan Pesaka-nya turun ka-Waris. Di-Kuala Dulang mereka berundur engan meninggalkan dua orang anak perempuan. Maka dengan sebab itu juga mereka adl Keramat Masjid Kuala Dulang hingga sekarang ini juga.

Oleh sebab hendakkan keturunan pemerintah-nya turun kepada waris maka anak2-nya sahaja yang di-tinggalkan untuk meneroka Sungai Lumut, Peninjau dar arin sa-lepas-nya. Ini-lah gerangan-nya Moyang Angut dan Moyang Angsa yang ter-ebut kesah-nya kemudian dalam chetara Jelebu. Akan hal kedua raja dan putri itu mereka ghaib lalu kembali ka-tempat mereka di-atas bukit yang di-sebut hingga ka-hari ini Bukit Peraja, yang sangat di-hormati hingga ka-hari ini juga. Ada pun zaman ni ia-lah zaman Jakun dan mereka-lah yang mula2 menduduki tempat ini. To' elondong khabar-nya ketua meneroka tempat ini. Tiap2 satu-nya di-hitungkan sabagai i-buah negeri. Orang2-nya ia-lah Jakun, Semang dan Sakai. Itu pun tidak banyak Nangan-nya. Menurut chetita mereka bahawz mereka pun datang dari Pulau Sumatra in dari Gugusan Pulau2 Melayu juga.

Mudek Sungai Muar sampai ka-Merbau Sa-rutus: ijak menukek mendaki, tejak enurun, mendorong. Sembilan orang adek beradek, lalu di-tebas tebang hutan rimba, -bulur dan berhuma di-tanam jagong, apabila masak di-kutip dan di-masukkan ka-tiam ambong ia itu sa-jenis bakul rotan bersandang ka-bahu bertalikan terap. Mereka enjek jah mengikut hala sa-belah kanan Gunong Ledang keluar ka-Johol, lalu ka-umujong dan Jelebu dan saterus-nya ka-Rembau. Di-Jelebu mereka berkediaman di-ktit2 dari Hulu Teriang hingga ka-Gunong Rantu ia itu-lah tempat kediaman nenek nyang yang asal dari asal lagi dari zaman dahulu lagi. Mereka di-kenali dengan nggilan Jakun (Biduanda). Apabila orang sudah ramai di-lanek-nya Batin ketua-nya in Jenang pembantu-nya mengurus hal2 puak2-nya.

Cherita2 orang ma2 mantera ia itu kesah Jelebu ada-lah bermula dari Mierang itu sa-orang ahli sihir yang terkenal berkahwin dengan sa-orang adek perempuan-an. Mereka beroleh sa-orang anak laki2 To' Etah yang kemudian-nya pergi ka-Pagar pong. Anak laki2 To' Etah-lah yang bernama To' Terjali yang balek ka-sini lalu rgi ka-Jelebudengan Porok mengembara di-situ langsung menetap di-Jelebu sabagai ana chetara-nya yang berikut ini:-

Di-chetarakana ia itu salasilah mantera Jelebu itu bermula dari Batin Terjali ngan Maharaja Alif serta Putri Ambong Seri Alam. Maharaja Alif beroleh sa-orang ura Maharaja Bepang yang kemudian-nya berkahwin dengan putri Lindong Bulan dan toleh sa-orang putra Raja-Di-Raja. Mereka pun meneroka negeri untuk anak chuchu-a mengembangkan rayat seluroh tetangga. Maharaja Bepang pergi berkahwin di-geri China. Batin Terjali menetap sementara waktu di-Mirangkabau. Sa-lepas itu ereka sampai ka-mari saperti tersebut ia itu menetap di-Johor sementara dan ke-adian-nya tiba ka-Bukit Kundek di-Jelebu. Di-Bukit Kundek Batin Terjali mendapat -orang anak laki2 di-beri nama Lambong Setia Rajk. Dan di-sini juga Maharaja

Alif dapat sa-orang anak laki2 di-beri nama Sah Alam Raja Sahari. Di-gunong pertemuan satu perkumpulan telah di-adakan di-mama Batin Terjali dan Maharaja Alif bersatuju melantek Lambong Setia Raja, jadi Batin dan Sah Alam jadi Menteri-nya. Mereka kemudian di-perentahkan turun dari Gunong pertemuan dan barang di-mana bertemu nasi sa-dulang menunggu mereka di-situ-lah meneroka.

Kemudian akan di-tanda sempadan2 untuk tanah-nya. Sa-sudah beramanat demikian maka Maharaja Alif, Batin Terjali, Putri Ambong Seri Alam dan Porok pun akan mengundorkan diri daripada tempat itu. Akhir-nya mereka mati atau pindah tidak-lah di-sebut dengan terang kesah-nya. Akan hal Batin Lambong Setia Raja dan Sah Alam Raja Sahari itu pun mengembara turun hingga sampai ka-sa-buah bukit bernama Bukit Buiyan, di-situ di-sabelah bawah-nya mereka bertemu dengan sa-dulang nasi menunggu mereka. Lalu-lah mereka pun makan sa-telah penat bekerja dan membuka tempat itu. Tanda tempat itu lalu di-namakan Kuala Dulang sebab di-kuala sa-buah sungai di-situ. Kuala Dulang ia itu di-sabelah bawah Bukit Buiyan hingga ka-hari ini dan di-sini ada-lah di-anggap keramat dan banyak hubungan-nya dengan luak Jelevu, dan di-sini juga tempat mula perkembangan luak ini. Kawasan di-sakeliling-nya pun terbuka yang pada masa itu maseh lagi bernama Sungai Lumut. Dari sini mereka mengembara ka-Hulu Teriang mencari tempat yang lebih bersesuaian untuk mereka. Di-Hulu teriang-lah biuanda2 ini berkembang dengan ramai-nya.

Apabila negeri telah terbuka dan orang pun sudah ramai maka Batin Lambong Setia Raja pun menukar nama-nya kepada Batin Maha Galang. Sempadan2 untuk tanah mereka telah pun di-tanda oleh Batin Terjali ia itu di-antara Pulau Upeh tempat Batin Terjali mula2 berpijak ka-tanah di-sini. Batin Terjali pergi ka-Muar lalu memahat baru di-satu tempat itu pun di-namakan Batu Pahat hingga ka-pada masa ini juga. Sempadan di-tetapkan seperti berikut: - di-antara Jelevu dan Johol ia-lah Leban Besi, Batu Berinding Lanak dan Temiang Tumpat; di-antara Jelevu dengan Semujong ia-lah Semambu sa-Rumpun dan Nibong Tengah Ayer Bukit Tangga, di-antara Jelevu dan Kelang ia-lah Leban Bergoyang, Pulau Bersela dan Genting Piras di-antara Jelevu dan Pahang ia-lah Merbau Sa-Ratus, Meranti Sembilan dan Bukit Batu Bulan.

Sa-telah selesai menandakan semua ini maka Batin Mahagalang pun kembali ka-Jelevu lalu mengangkat Jenang Singa Raja Setia untuk menggantikan-nya jadi Batin di-Jelevu sa-telah ia tua atau pun hendak berehat bebas pula. Ia-nya kemudian mengembara lagi atau pun mati tidak-lah jelas. Sa-lepas Singa Raja Setia menjadi Batin beberapa lama gerangan-nya, maka jawatan itu di-sandang pula oleh warithan-nya yang perempuan pula ia itu sa-orang biuanda yang tersebut kesah-nya dahulu yang bernama Moyang Angsa. Maka dari sa-majak itu-lah mula-nya berubah-nya chara2 pemerintahan berpenghulu di-Jelevu. Chetera Biduanda Mantera Ulu Kenaboi ada-lah mengesahkan charita yang hampir sama juga. Ia bermula dengan Pa' Galang sa-orang Batin Yang Pertama bagi mereka dan kemudian sa-orang anak laki2-nya menggantikan-nya ia itu Galang juga nama-nya dan sa-lepas itu chuchu-nya yang laki2 Chan Galam Pa' Asah, memerintah Kenaboi satelah merantau, ia lalu meneroka Bukit Kundek, chuchu-nya yang laki2 Tapak pergi ka-Ulu Gelimau. Sa-lepas itu ada pergadahan di-antara puak2 ini. Sa-orang Batin Dadun telah membuka negeri melampaui Merantai Sembilan di-Pahang, ketika sa-orang Batin Bulu memerintah Bukit2 Kenaboi sa-hingga Karak dan Temelong (Telemong) di-Pahang.

Batin Timpo membuka Gelami dan Batin Ranggong membuka Ulu Teriang termasuk-lah Leban Bergoyang dan Bangkong Chondong. Langkap ia-lah di-dalam jagaan Batin Pekong. Salasilah Batin2 Negeri Sembilan ada-lah lebih kurang bagini bermula dengan Batin Seri Alam dan dapat anak ia itu Batin Berchanggai Besi Ketua di -

Semujong, Batin Jelondong, membuka Jelevu, Nenek Kerbau, membuka Johol dari-nya turun To' Dara Derani dan adek perempuan-nya bernama Putri Mayang Selida ber-suamikan Sultan Johor. Dari Batin To' Dara Derani dzahir-nya Batin Sibu Jaya ber-kahwin dengan Bendahara Sekudai dan adek beradek dengan To' Engku Klang, jadi pemerintah Klang, To' Menteri Akhir ul-zaman, jadi pemerintah Jelevu, To' Johan Pahlawan kahwin dengan Batin Siti Awan jadi pemerintah Johol dan yang bongsu To' Lela Raja jadi pemerintah Rembau. Tempat mereka di-lahirkan ada-lah seperti cerita ini di-Gunong Berambu lahir-nya Klana Putra Batin Makbut, jadi Batin Semu-jong, di-Bukit Seriba lahir-nya Johan Pahlawan Lela Perkasa Batin Chalam yang ber-kahwin dengan Siti Awan jadi pemerintah Johol seperti tersebut di-atas. Salasilah ini ta'dapat hendak di-katakan tepat ha-nya juga di-anggap sah dan thabit juga dalam persaudaraan mereka itu.

BAB II

PERSEMENDAN ORANG MINANGKABAU

Di-zaman Moyang Angsa maka bermula-lah tali persemendaan di-perhubung-kan di-antara orang2 Melayu Minangkabau dengan orang2 Biduanda Warith di-Jelebu. Maka dari persemendaan ini lah orang2 Minangkabau mula mempengaruhi chara hidup mereka. Menurut sejarah, sejak pemerentahan raja2 Melayu Melaka lagi daerah2 di-pendalaman seperti Jelebu termasuk ka-dalam pemerentahan Melaka. Sa-telah Melaka alah mereka menumpukan taat setia ka-Johor pula. Walau pun kekuasaan Melaka berpindah2 tangan namun penduduk2 Minangkabau di-daerah pendalaman kian bertambah ramai-nya dan kian bertambah kuat pula kedudukan-nya sa-telah di-dirikan-nya susunan pemerentahan, "Adat Perpateh-nya sendiri". Bagitu-lah keadaan masharakat di-Jelebu yaani mengalami process yang sama juga. Orang2 Melayu bertemu dengan orang2 biduanda di-sini, mengikut chetera Mantera Kenaboi ia-lah di-zaman pemerentahan Galang II. Mengikut chetera mantera ini telah di-adakan suatu per-jumpaan dan persetiaan di-antara kedua pehak ini di-cheterakan di-Bukit Galenggang. Di-perkumpulan ini telah di-adakan satu persetujuan di-mana ada terletak di-satu tempat sa-sikat pisang dan kain sarong di-sabelah lagi ada daun Setawar serta Kulit Terap. Orang2 biduanda sasilah di-suruh pilih di-antara dua ini. Biduanda2 yang perempuan banyak yang memilih pisang dan kain sarong lalu masuk Melayu dan Islam, tetapi yang laki2-nya berkeras dengan Setawar dan terap-nya lalu balek ka-tempat asal mereka di-bukit2 di-situ. Anak perempuan Galang telah bertunang dengan sa-orang Putra Raja Melayu maka satu perjanjian pun di-buat di-antara dua pehak ini di-atas kulit Jawak atau biawak. Perjanjian yang tersebut ia-lah untuk hormat menghormati di-antara kedua pehak setia dan tegoh pada persetiaan. Kemudian entah bagaimana kulit itu di-makan anjing, apabila putra itu bertelagah dengan tunang-nya anak peremp-uan Galang II, lalu lari balek kepada bapa-nya dan ia-lah barangkali jadi ibu dari penduduk mantera Kenaboi sekarang itu.

Chetera ini menunjukkan ada hubungan-nya dengan sejarah Jelebu. Per-semendaan orang2 Melayu Minangkabau dengan perempuan2 Biduanda tidak di-nafikan kerana cherita2 orang Melayu kemudian-nya bersesuaian dengan-nya. Dan lagi mereka mendapat penghormatan dan tapak daripada batin2 warith biduanda di-situ dengan mengahwini dara2 warith asli itu. Daripada percamporan kedua belah pehak yang di-jalan oleh perkahwinan itu maka muncul-lah keturunan baharu orang Melayu Jelebu khas-nya di-panggil Biduanda Warith. Bagitupun hingga kini masih ada juga pehak biduanda sasilah ini yang tinggal berasingan dengan kesusilaan mereka sendiri. Ugama Islam di-katakan telah sampai ka-Jelebu sa-belom peneroka2 Melayu itu sampai lagi ia itu oleh sebab seperti Negeri2 lain juga di-sini Jelebu ia lah dalam pemerentahan Raja Johor, maka pada sakalipersama bertitah-lah Maharaja Johor menyuruh sa-orang yang bernama Raja Khatib atau Dato' Gemaboh pergi ka-negeri2 sembilan mengislam-kan penduduk2 di-mana ia bertemu mereka. Ia datang dari Johor mengikut jalan Luat China dan mudak Sungai Pahang lalu menyusor Sungai Teriang sampai ka-Jelebu dekat tempat yang sekarang bernama Juntai itu lalu turun dari perahu-nya, berdiri di-atas hamparan pasir di-situ menyeru kepada orang2 jahiliah itu supaya mereka menyahut seruan-nya mengenai Shiar Islam. Tempat itu lalu di-panggil Kampong Pasir Panggil hingga lahari ini dekat Juntai. Nana2 yang menyahut seruan-nya itu ikut mudak ber-sama2-nya ka-hulu sa-hingga Kuala Lumut di-situ mereka di-sunatkan (Khatan) di-tapak tempat itu juga di-dirikan-nya masjid yang tersebut kesah-nya dahulu ia itu Masjid Kuala Dulang. Yang menganut ugama Islam itu termasuk-lah Moyang Angsa Warith Biduanda Tua di-situ. Mereka tidak pulang2 lagi bahkan menetap di-situ. Anak Khatib tadi ia mudak jauh ka-Selatan dan singgah di-Ulu Klawang pula mengislamkan orang2 di-situ pula.

Kemudian ia pun berundur atau pergi ka-lain tempat tidak-lah dapat sah dan pasti-nya, Maka masa ini dari samanjak itu maka sa-makin ramai-lah orang orang menumpukan pengembaraan-nya ka-Jelebu.

Sekali persatua maka tersebut-lah kesah sa-rombongan orang² Minangkabau yang menumpu ka-Jelebu atau Sungai Lumut dengan kebenaran atau izin Maharaja Johor juga, di-ketuai oleh Dato' Gombak, pun sampai ka-Jelebu. Ia pun memper-kembangkan dan mengajar warith² Biduanda di-situ akan perihal Adat Istiadat dan chara² pemerentahan yang di-dapati-nya dari Pagar Ruyong Minangkabau. Mula² mereka mudak Sungai Muar lalu mendarat di-daerah Hulu Muar di-jajahan Kuala Pilah dan dari sana pula ia menyusur genting mengikut Genting Langkap hingga tersua ka-hulu Klembang dan keluar di-Ulu Sungai Lumut.

Apabila Dato' Gombak sampai ka-situ ia pun mencari tempat penempatan-nya yaani kema orang² Biduanda di-situ, ia itu-lah pada masa itu di-sandang oleh sa-orang perempuan Biduanda yang tersebut kesah-nya dahulu yang bernama Angsa yang dikenai sekarang sebagai Moyang Angsa. Untuk mendapat Tapak penghormatan maka Dato' Gombak pun menyambungkan tali saliturahim-nya di-antara kedua pehak itu dengan berkahwin dengan Moyang Angsa, maka dengan difusi perkahwinan ini-lah mula-nya perkembangan adat Perpatih menjadi dasar pemerentahan dan tatasusila hidup orang² di-Jelebu itu. Semua orang bersatu dengan perantaraan Dato' Gombak mengendalikan pemerentahan menjadi kepala kaum di-Jelebu selepas berkahwin dengan Moyang Angsa, sungguh pun yang sa-benar-nya berhak ia-lah isteri-nya. Tetapi mengikut adat-nya ia-nya ia-lah kunchi-nya. Kemudian keputusan itu di-sampaikan sahaja kepada Sultan Johor dan Maharaja Johor pun tidak membantah keputusan itu. Sa-telah di-terima persetujuan dari Sultan Johor, akan Dato' Gombak pun di-terima menjadi Penghulu di-Jelebu oleh pehak Ratin dan orang² yang lain juga. Sebagaimana daerah² lain juga mula²nya luak ini termasuk di-bawah kuasa Majapahit juga sebagai yang lain di-N.S. dan kemudian-nya ka-bawah kuasa Melaka masa dalam pemerentahan Raja² Melayu dan kemudian-nya lagi tertaalok di-bawah kuasa Johor pula, seperti per-bilangan ini "Beraja ka-Johor, bernuan ka-Minangkabau." Maka hasil yang banyak di-dapati di-tempat ini ia-lah bijih timah yang menyebabkan ramai orang² datang kerana-nya.

Oleh sebab orang² Melayu Minangkabau itu lebih pandai daripada orang Biduanda di-sini, akhir-nya dapat-lah orang² Melayu itu persatuhan mereka mengembangkan Adat Istiadat-nya di-tempat mereka tepati sa-hingga ka-hari ini, tidak dengan paksa atau peperangan ha-nya dengan persettian, perjanjian, persemendaan pertalian saliturahim mengikut pengajaran Dato' Mareperpatih yang terkenal dengan dasar-nya ta'mahu meresakkan raayat barang sa-orang pun, itu-lah dasar pengembang Adat Perpatih. Mereka tidak merompak Hak² dari SEKA² yaani dari sa-belah Perempuan-lah mewarishi apa² jua jawatan berkenaan dalam Adat Perpatih yang mereka anuti dan jadi amalan dan chara pentadbiran adat di-situ hingga beberapa lama sampai ka-hari ini juga.

Sekarang jelas-lah ia-itu penduduk asal Jelebu itu ada-lah dua pehak yaani satu puak² Biduanda Asli ia itu Biduanda Sasilah. Dan satu lagi yang di-Semenda menyemendaikan oleh orang² Melayu Minangkabau jadi-lah mereka Biduanda Warith. Sa-lepas Dato' Gombak, maka jawatan itu di-warishi oleh zuriat warithan Moyang Angsa ia itu, Moyang Acheh. Akan Moyang Acheh pula ia-lah nisab dari belah perempuan dari Moyang Angsa. Ia-nya berkahwin pula dengan Dato' Mentunggang dari Pagar Ruyong menjadi Penghulu Jelebu sebagaimana Dato' Gombak juga. Akan Moyang Angsa tadi ada sa-orang saudara perempuan juga dan dari dia-lah turun-nya jawatan yang di-

pesakai oleh warith biduanda Sasilah di-Jelebu. Ia-nya tidak berkahwin dengan orang Pagar Ruyong bahkan ia berkahwin dengan orang2-nya juga di-situ. Tempat kediaman mereka seperti tersebut kesah-nya dahulu ia-lah dari hulu Terlang hingga ke-Chunong Hantu dan mereka sentiasa bergaul dengan baik dengan yang sudah masuk warith dari Pagar Ruyong itu. Dengan ini-lah ada di-sebut pertalian dalam adat-nya di-Jelebu itu. Jelebu juga masih kaya dengan unsur2 kebudayaan yang telah di-pusakai sejak dari zaman berzaman. Sumbang2 sejarah masih lagi belum dapat di-kaji dengan teliti. Dari sumbar2 ini ada-lah terang sekali tentang Moyang Saleh ia itu ia-nya dari Zuriat Warithan Moyang Acheh menyandang jawatan Dato' Undang Jelebu Yang Pertama dan ia-nya juga ada-lah pengasas Berundang di-Luak Jelebu hingga yang ada pada masa ini yaani berusia lebih kurang dua ratus lima puluh tahun. Dalam masa dua abad setengah itu sebanyak tiga belas orang Undang telah memerintah Luak Jelebu dengan golaran Dato' Mendika Menteri Akhir ul-zaman, Sultan Jelebu. (Undang Luak Jelebu.)

Ada pun akan hal Dato' Penghulu Gombak dan Dato' Penghulu Mentunggang, mereka sangat-lah berpengaruh dalam suasana masyarakat Luak Jelebu dalam hal mengembangkan Adat ia itu Adat Perpatih. Dengan perikahwinan-lah maka tali silaturahmi-nya terjalin dengan baik-nya. Maka muncul-lah keturunan baharu sebagai orang yang beradat dan berlembaga sebagaimana kehendak susunan adat perpatih. Mereka di-tunjuk ajar oleh pakar2 adat yang di-datangkan dari Minangkabau. Mereka ada-lah begitu berpengaruh dalam soal adat. Dengan keadaan bagini-lah lalu terbentuk-nya luak2 berundang yang Empat ia itu Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau. Di-setiap luak dengan Undang-nya, Lembaga-nya Buapak-nya dan anakbuah yaani orang ramai rakyat jelata dalam sa-buah luak atau jajahan itu dan juga-lah di-luak Jelebu khas-nya tersusun jua akan sistem pemerintahan berundang itu.

Sungguhpun taburan adat di-luak ini di-timba dari Minangkabau akan tetapi mengikut keadaan tumbuh-nya juga berlainan ragam-nya mengikut keadaan zaman dan ragam; di-Jelebu juga adat yang satu itu tumbuh-nya berlainan dari luak yang lain tentang taburan dan mewarisi satu2 jawatan tetapi dasar-nya sama juga. Orang2 yang bergelar bernama dalam adat ada-lah di-segani dan di-terima oleh orang ramai akan hal taburan adat-nya dengan senang hati dan di-hormati. Dalam kata2 adat maka ada hak masing2 berlupakkan bak sawah beruang bak durian. Kata2 adat di-turunkan pada yang di-anggap layak menyandang pesaka itu dengan lisan sahaja, maka di-anggap pedoman itu yang baik membawa kepada perbilangan yang selalu di-lafazkan ia itu adat itu tidak lapok dek hujan dan tidak lekang dek panas ada alam maka akan ada-lah adat itu. Maka tidak patut di-salahkan jika masyarakat-nya sentiasa menemui chabaran dan dugaan kadalam golongan penganut adat itu.

Perubahan dan kekacauan dalam hidup tidak dapat di-elakkan dan di-salahkan pada satu pihak sahaja. Ia nya ada-lah mengikut dan menyahori perubahan yang berlaku di-sakeliling-nya. Untuk ia-nya hilang tidak mungkin tetapi sepanjang mana ia di-patohi ada-lah terpulang kepada sasatu masyarakat itu dan hilang tidak pula di-ingini juga. Tidak siapa yang memaksa penganut2 masyarakat adat itu untuk mengikut adat samlin2-nya kerana ada juga kala-nya alah adat tegar dek muafakat, muafakat sangat-lah penting dalam taburan adat itu. Dengan kedatangan pengembang adat yang di-hormati itu-lah maka persetujuan orang ramai menghormati Pemuka2 kedua yang tersebut kesah-nya itu. Mula-lah negeri Jelebu mempunyai kekuasaan memerintah negeri sendiri dengan penuh kedaulatan-nya.

Akan hal orang2 Minangkabau sa-makin hari semakin ramai menumpu ke-Jelebu akan tetapi mereka tidak lagi mempengaruhi sangat akan hal luak ini, melainkan memaksa di-mana2 dapat kebenaran meneliti lampau belaman mereka sendiri hidup

sama dengan segala penduduk di-situ hormat menghormati antara satu sama lain. gitu-lah mula-nya sampai mereka2 yang sudah sedia hidup bersuku2 dari minang. Akan hal ketua pemerintah-nya pula di-warisi oleh orang2 di-situ juga. Meng- cherita orang tua2 yang mula2 bergelar Batin Mahagalang dan yang kedua Singa Setia, dan lepas itu Moyang Angsa dan Moyang Aceh di-kendali oleh Dato' Mbak dan Dato' Mentunggang sabagaimana yang sedang di-kesahkan ini.

Maka dari Moyang Aceh pula Puaska menjadi Undang Jelebu itu di-sambut h Moyang Saleh yang tulid dari Nisab. Ibu-nya yang asal ia itu-lah yang memerintah atas Dato' Mentunggang. Maka akan peribat-nya sudah-lah memang hak-nya yang benar menjawab jawatan yang penting itu mengikut susunan dan tertatertib adai yang kehendakki oleh adai yang tulid.

sama dengan segala penduduk di-situ hormat menghormati antara satu sama lain. gitu-lah mula-nya sampai mereka2 yang sudah sedia hidup bersuku2 dari minang

Akan hal ketua pemerintah-nya pula di-warithi oleh orang2 di-situ juga. Meng-
cherita orang tua2 yang mula2 bergelar Batin Mahagalang dan yang kedua Singa
ja Setia, dan lepas itu Moyang Angsa dan Moyang Aceh di-kendali oleh Dato'
mbek dan Dato' Mentunggang sabagaiman yang sedang di-kesahkan ini.

Maka dari Moyang Aceh pula Puaska menjadi Undang Jelebu itu di-sambut
h Moyang Saleh yang tulih dari Nisab Iba-nya yang asal ia itu-lah yang memerintah
epas Dato' Mentunggang. Maka akan perihal-nya sudah-lah memang hak-nya yang
benar menjawab jawatan yang penting itu mengikut susunan dan tata tertib adat yang
kehendaki oleh adat yang tulih.

BAB III

MOYANG SALEH T. M. 1757.

Riwayat hidup Dato' Undang Saleh tidak dapat dengan bakti keterangan bertulis, tetapi akan hal cerita orang tua2 ada-lah lebih kurang sebagaimana yang berikut. Tentang asal usul-nya yang terang tidak mungkin dapat di-ketahui. Ini ada-lah oleh sebab tidak terdapat apa2 yang tertulis ha-nya di-cheterakan sahaja akan hal-nya. Maka dengan berpanduan itu-lah maka saya nyatakan di-sini. Kalangan di-Jelebu berpendapat ia-nya ia-lah benceh dari Pagar Ruyong yaani bapa-nya yang berkahwin dengan Warith Biduanda Ulu Jelebu, dan dengan ini-lah dzahir-nya Moyang Saleh, itu-lah yang tepat sekali. Ini sahaja-lah pendapat orang2 yang lampau yang dapat di-pastikan.

Sabagaimana yang telah di-sebut, maka tidak di-ketahui dengan sah-nya bilakah Luak Jelebu itu wujud atau muncul dalam Sejarah Negeri Sembilan. Telah di-perkatakan ia sudah pun ada dalam abad yang ka-Lima Belas Masehi dan mungkin telah terdiri dalam abad itu atau pun beberapa abad sebelum-nya. Sehingga ini sejarah Luak, atau jajahan Jelebu boleh di-katakan tidak di-ketahui terutama sekali sejarah sebelum Dato' Moyang Saleh lebih kurang sebelum tahun 1757. Apa yang di-ketahui ha-nya dengan kisah To' Jelondong, To' Lambong Setia Raja, atau Mahagalang, Singa Raja Setia yang mungkin payah di-anggap betul tetapi pasti ada akan perihal yang sa-benar-nya.

Sejarah moden Luak Jelebu dapat di-katakan bermula daripada zaman Moyang Saleh jadi Dato' Undang Jelebu, ia itu mulai dari tahun 1757 Masehi lebih kurang. Chetera mantera-nya ha-nya mengesahkan akan Batin2-nya dan ada juga mengesahkan penghulu2 Orang Melayu-nya, tetapi pada keseluruhan-nya tidak lengkap dan tidak jelas. Banyak kejadian atau peristiwa2 penting dan bersejarah yang berlaku di-dalam zaman itu tidak di-sebut. Umpama-nya perjanjian dengan mantera2 yang muda2 yang di-buat oleh Moyang Saleh pun sudah hilang begitu sahaja.

Tafsiran yang berhak memerintah di-Jelebu ia-lah Warith Berundang dan lagi tafsiran warith di-Jelebu terbagi kepada dua fahaman yang berlainan (a) Warith Berundang (b) Warith Sasilah. Seterus-nya Warith Sasilah berselisilah mengaku bertampok atau bertumpu asal kepada Batin Terjali sebagai Tampok-nya, dan pehak Warith Berundang bertumpu pada maharaja Alif dan Puiri Ambong Seri Alam, kerana Lambong Setia Raja ia-lah anak Batin Terjali dan Sah Alam Raja Sabari ia-lah anak Maharaja Alif; maka Sah Alam jadi Menteri kepada Mendika Menteri Akhirulzaman, Sultan Jelebu (Undang Luak Jelebu) begitu-lah ada-nya jawatan yang di-sebut dalam perlembagaan adat di-Luak Jelebu nanti.

Pada masa sekurang, warith2 sasilah atau warith yang dua ini di-dapati keturnan-nya mewarishi gelaran Warith menteri dan Warith Ombi ia itu dua gelaran yang digantikan oleh orang2 Melayu bagi gelaran Batin dan Jenang bagi ketua2 warith sasilah itu apabila mereka tidak lagi tinggal di-butan2 bahkan masuk bersama2 sebagai orang sa-adat dan sa-resam dengan segala2 orang yang ada di-situ mendaukatkan dari Penghulu Jelebu sebagai Undang dan Raja-nya. Dalam masa pemerintahan Dato' Undang Moyang Saleh maka terbit-lah huru-hara di-seluruh Negeri Sembilan. Keadaan begitu rupa ada-lah di-sebabkan oleh ekoran apa bila kota Melaka jatuh ka-tangan Peringgi, maka pindah-lah raja Melaka ka-Johor. Dengan hal yang demikian Jelebu pun masuk kedalam taalok Johor juga; Pada mula-nya pertalian Jelebu dengan Johor erat sekali, sebagaimana perbilangun; Beraja ka-Johor, Bertali ka-Siak, bertuan ka-Minangkabau.

Akan tetapi lama kelamaan perhubungan ini menjadi kendur dan akhir-nya putus langsung bersebab dari huru-hara di-sebabkan oleh orang2 bugis dan keadaan pemerintahan yang kejam dan zalim di-Johor. Keadaan luak2 di-pendalaman terbiar begitu sahaja dan tidak terpelihara dengan baik segala chara pemerintahan Raja Johor itu, dan bersebab pula perbuatan Raja Johor kepada sa-orang Besar Luak yang menyebabkan berputus-nya beraja ka-Johor. Ini ada-lah mengikut kata adat Raja Adil Raja di-Sembah, Raja zalim raja di-Changghah. Ini ada-lah kata Dato' Undang Moyang Saleh, "Adat orang Melayu tidak pernah derhaka kepada Raja. Kita tidak boleh membunuh Raja, tetapi kita tidak akan bertuanan yang zalim lagi", itu-lah menyebabkan ia mengambil tindakan yang sawajar-nya bila peristiwa ini berlaku.

Pengembaraan Moyang Saleh memutuskan ka-Johor ia-lah cerita yang popular di-Luak Jelebu dan juga di-selangan adat Negeri Sembilan. Peristiwa ini mengesahkan zaman Sultan Muazam Shah, kerana nama yang ada pada Mohor Jelebu itu ia-lah Abdul Jalil V Tengku Besar Johor. Cerita-nya ada-lah di-kesahkan bagini ia itu orang Kaya Rembau yang menjadi Undang Rembau mempunyai anak gadis yang sangat cantik, Seri Banun nama-nya. Kechantekan Seri Banun itu pun termashor ka-seluruh negeri sehingga sampai ka-pendengaran Sultan Johor sendiri. Apabila baginda mendengar tentang kechanteakan Seri Banun itu maka timbul-lah berahi-nya untuk mempersterikan-nya.. Maka oleh baginda di-kirirkan-lah suatu utusan ka-Rembau untuk mengambil Seri Banun.

Tiada berapa lama berselang utusan itu kembali semula ka-Johor. Mereka kembali dengan tangan kosong sebab Dato' Penghulu Rembau enggan menyetujui imingan Sultan Johor itu. Hal ini sangat mengejutkan baginda sebab baginda sa-kali2 tidak menyangka bahawa Dato' Penghulu Rembau akan berani menolak pinangan-nya itu. Maka baginda pun murka-lah pada Dato' Penghulu itu kerana hal itu di-anggap oleh baginda sa-bagai pendurhakaan terhadap-nya, dan patut di-hukum. Maka di-perintah-lah oleh baginda supaya Dato' Penghulu Rembau segera datang menghadap-nya.

Sekali lagi Sultan Johor mengalami rasa kechewa, sebab Orang Kaya Rembau ama sekali tidak memperdulikan perintah baginda itu. Ia tidak datang sendiri untuk menghadap baginda, melainkan di-kirirkan-nya anak-nya ia itu Si-Amat, untuk menghadap baginda. Si-Amat ini ia-lah sa-orang pelatah. Apabila di-soal Sultan maka menjawab seperti yang di-soal itu juga kembali. Apabila sampai ka-penghadapan ia maka di-persembahkan-lah kepada baginda mengapa-nya tidak dapat menerima pinangan baginda itu. Yang menjadi halangan-nya ia-lah bahawa Seri Banun telah di-pertunangkan oleh ayah-nya dengan sa-orang pemuda di-Rembau dan perahwinan Seri Banun dengan tunang-nya itu akan di-langsungkan tiada berapa lama lagi. Jika Orang Kaya Rembau memutuskan pertunangan itu untuk menerima pinangan baginda, maka bererti-lah bahawa Orang Kaya Rembau telah mungkir janji..

"Ampun TuanKu," Sembah Si-Amat sa-lanjut-nya, "Kerbau di-pegang tali-nya, manusia di-pegang kata-nya. Sa-kali kita mungkir janji maka orang tidak akan mudah diperchayai kita lagi, apa lagi kalau yang mungkir janji itu orang besar daerah; isak-lah kelak nama-nya. Itu-lah pesanan ayahanda hamba kepada TuanKu." Penilaian Si-Amat itu bukan menjadikan baginda senang malahan menjadikan baginda bertambah murka sa- hingga merah padam muka-nya. Dalam kemurkaan-nya itu baginda menitahkan supaya si-Amat di-bunuh. Dengan berbuat demikian, pada ingkakan baginda, dapat-lah baginda membalaskan dendam-nya terhadap Orang Kaya Rembau. Sa-belum di-panchong Si-Amat memohonkan sembah meminta jika ia-nya ista di-bunuh juga maka sebagai adat anak orang besar luak, adat-nya tidak boleh di-menong melainkan di-salang juga tentang rusok-nya dengan keris. Apabila di-salang

to' Undang Moyang Saleh dari (Undang Luak Jelebu) dahulu lagi ada-lah seperti ber-
ut. Maka segala sadoran-nya yaani di-tempa satengah lembaga2 dari orang2
Minangkabau yang mendatang untuk mengendalikan suku-nya ia itu Lembaga Yang Tiga.
tapi yang asal-nya ia-lah Mengiang Merah Bangsa berasal dari Warith juga yaani
su. Jadi-nya jawatan2 itu berkekekalan-lah sa-hingga hari ini seperti yang berikut:-

Genta dari perut Meribong dari warith menteri sebagai warith sasilah dan
berundang di-Angkat jadi Menteri Kapada Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman.
Undang Jelebu.

Bata dari perut Larong dari warith sasilah dan berundang jadi Dato' Ombi,
Pangkal Maharaja Lela, Tali Pesaka.

Bakok dari perut Kampong Bukit dan waris berundang jadi lembaga suku
mungkal Dato' Mengiang Merah Bangsa untuk suku-nya.

Dagang dari perut Tembung dari Minangkabau ia itu dari Suku Tanah Datar jadi
Dato' Chinchang, Maharaja Lela Lembaga Suku Tanah Datar.

Ainsha dari perut Teriang dari Minangkabau dari suku Batu Belang jadi Dato'
Senara Angsa lembaga suku batu Belang.

Munok dari warith Ulu Jelebu jadi Tua warith Ulu Jelebu dengan gelaran Dato'
Raja Belang.

Mundok dari Warith Sarin jadi Tua Warith Sarin dengan gelaran Dato' Paduka
Menti.

Tatang dari warith Kemir jadi Tua warith Kemir dengan gelaran Dato' Maha-
raja Inda.

Akan Dato' Shahbandar Sohor ada-lah ia-nya dari warith Suku Mungkal juga dan
menjadikan suku mungkal ada dua lembaga-nya, akan tetapi ia-nya terbahagi dua
ga menjalankan kuasa adat di-luak ini ia itu yang bertuakan Shahbandar ada kuasa
-nya untuk tua-nya memungut hasil chukai dan bea daripada perahu2 di-Sungai
riang dengan nama warith di-ayer bagi pehak Undang-nya. Yang bertuakan lem-
ga Dato' Mengiang Merah Bangsa berkuasa pula dalam hal taboran adat hal Dato'
alapan Luak Jelebu. Pertalian di-antara Moyang Saleh, Genta, Bata, Bakok dan
shor telah di-nyatakan sebagai salasilah tertera itu. Ada-lah ketetapan peratoran ini
-patoh oleh warith berundang menjalankan hak masing2 dalam hal adat dan pesaka
-Jelebu.

Dato' Undang Moyang Saleh di-sanjong tinggi kerana mengemaskan dan
nyusun pemerintahan-nya di-Jelebu dengan melantek jawatan2 atau Tua2 Lembaga2
ita buapak serta Juak2-nya serta adat istiadat kebesaran-nya sakali. Apa yang
pat di-pastikan ia-lah orang-nya yang menyusun dan mengot segala adat istiadat
ng ray' untuk keamanan dan ketenteraman dan keselamatan Adat Perpatih. Dan juga
-persetujuan ramai ia itu untuk menyunjong pesaka Undang Luak Jelebu sudah tentu
-umumkan kepada Suku Biduanda Warith sahaja. Bakti-nya telah terang terbentang
pada penduduk2 negeri ini sebagai yang bernak menuntut Pesaka Undang itu. Bagai-
ma pun persesuaian yang sajati dari dahulu hingga sekarang sudah terot mengikut
munan peradatan di-antara Maraperpatih dan Biduanda di-sini dan di-persetujui oleh
din2 di-seluruh negeri dengan persumpahan persetian jangan kau mengot sakit

menyakit, hak orang jangan di-ambil hak kita jangan di-berikan, doa sudah di-tampung perasap kemain sudah di-bakar darah persembelihan sudah di-chochah yaani di-makan, sumpah pisau bongkok makan sarong.

JUAK2 UNDANG LUAK JELEBU ADA LAH SAPERTI BERIKUT.

Gelaran-nya	Dari Suku atau Warith	Tugas-nya
1. Tok Laksamana. (Ketua Juak2)	Warith Ulu Jelebu	Memegang bendera (Tetungul)
2. Tok Panglima Hitam.	Suku Mungkal	Memegang Tombak bend- erang.
3. Tok Panglima Garang	Warith menteri	Memegang Pedang.
4. Tok Panglima Sutan.	Suku Batu Belang	Memegang Pedang
5. Tok Panglima Sutan	Suku Tanah Datar	Memegang Lembeng.
6. Tok Panglima Jaya.	Warith Kemin.	Memegang keris Panjang.
7. Tok Panglima Bebas	Warith Sarin (Lengkongan Paduka)	Memegang Payong.
8. Tok Panglima Raja.	Warith Ulu Jelebu (Lengkongan Raja Balang) Gabai.	Memegang keris panjang
9. Tok Panglima Perang	Warith kemin	Memegang keris panjang
10. Tok Panglima Dalam	(Lengkongan Paduka) Warith Sarin.	Menyediakan Mohor dan Darjah2 Kehormatan Undang.

SUSUNAN MENUNJOKKAN GILIRAN YANG SA-BENAR KAPADA JAWATAN TIAP2 TUA DAN LEMBAGA PADA TIAP2 WARITH DAN SUKU SERTA BUAPAK-NYA.

A. WARITH MENTERI.

GELARAN TUA-NYA, DATO' MENTERI.

Perut mengikut Geler.	Perut Meribong	Perut Kg. Tengah	Perut Durian Daun	Perut Mengkan
Buapak.	Tok Amar Pahlawan.	Tok Lela Raja	Tok Beremban	Tok Dagang
	Genta	Tabuan	Panjang	Dagang
	Kurus	Desan	Kokut	Juading
	Mela	Jamin	Ahat	Hj. Mamur
	Tahat	Latin	Sawal	Hj. Salleh
	Ujang	Long	Talib	Othman
			Kilau.	

B. WARITH OMBI.

GELARAN TUA-NYA DATO' OMBI.

Perut mengikut geler.	Perut	Perut	Perut
Buapak	Larong Hulu	Teriang	Larong Hilir.
	Tok Senara	Tok Inam	Tok Lela Perkasa.
	Sati.	Perang.	
	Bata	Langsa	Kesu
	Molek.	Badu	Dali
	Jantan	Ipah	Tsah
	Abd. Kadir	Mamat	Kaman
		Nauu	

C. WARITH ULU JELEBU.

GELARAN KEPALA WARITH-NYA DATO' RAJA BALANG.

Perut mengikut Geler Buapak	Ulu Jelebu Tok Beremban	Chenor yid Ali su d
	Munok	
	Erut	
	Manah	
	Dolah	
	Dekus	
	Kidin	
	Long	
	Rahmat	

D. WARITH SARIN "A"

GELARAN KEPALA WARITH-NYA DATO' PADUKA MENTI.

Perut mengikut Geler. Buapak To'Muda	Perut Aur Duri Mendok Linjun Burok Maakit	Perut Peninjau Jambi Sari Jamal Manap	Perut Kirim Mudek Gelam Hj. Bidin Sulaiman
--	---	---	---

WARITH SARIN "B"

GELARAN TUA-NYA DATO' RAJA DI-RAJA

Perut mengikut Geler.	Kuala Jelebu. Kiya Pilus	Merbau Erut	Jelin Kechik
--------------------------	--------------------------------	----------------	-----------------

E. WARITH KEMIN.

GELARAN KEPALA WARITH-NYA DATO' MAHARAJA INDA

Perut mengikut Geler.	Perut Tertang	Perut Kemin	Perut Bemban
Buapak.	Tok Laksamana	Tok Lela Setia	Tok Menti Penghulu
	Tatang	Komin	Antah
	Angsa	Talib	Musid
	Usoh	Mohd	Musin
	Jang		Yusoh
	Othman		

F. SUKU BATU BELANG.

GELARAN LEMBAGA-NYA DATO' SENARA ANGSA.

Perut' mengikut		
Geler	Perut Teriang	Perut Beringin
Buapak	Tok Laksamana	Tok Lela Setia
	Isa	Pinchit
	Sukul	Butun
	Jantan	Mamat.
	Akin	Ismail

G. SUKU MUNGKAL BAHAGIAN I.

GELARAN LEMBAGA-NYA DATO' MENGIANG MERAH BANGSA.

Perut mengikut	Perut Kg.	Perut	Perut
Geler.	Bukit.	Danau Selamat	Bukit Piatu.
Buapak	Tok Panglima Hitam	Tok Maharaja Senara	Tok Megat Maharaja
	Bakok	Sintak	Panau
	Selajak	Hussain	Duli
	Kadir	Solok	Sada
		Jati	Tahir
		Syed Sohor	Hj. Salim

H. SUKU MUNGKAL BAHAGIANII WARITH DI-AYER.

GELARAN TUA-NYA DATO' SHAHBANDAR (PUCHOK BULAT)

Perut mengikut	Perut Chepum	Jelebu Tengah	Sawah
Geler.			Liat.
Buapak.	Tok Berjuansa	Tok Maharaja Perbe.	Tok Laksamana
	Sohor	Kahar	Awan
	Kechil	Chadin	Ampang
	Onah	Jaamat	
	Abd. Rahman	Ahmat	
		Syed Ahmad	
		Suh.	

BAB V

PESAKA WARITH YANG TIGA DAN WARITH2 LAIN2 JUGA

Pesaka Warith yang tiga ia itu yang complex juga ia-lah Jawatan Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Undang Luak Jelebu telah di-sandang tidak putus-nya dari zaman Dato' Undang Moyang Saleh hingga kahari-ini daripada mereka2 yang bertak menerima pangkat itu. Maka ada-lah mereka yang di-lantek jadi Undang Jelebu itu dari dahulu lagi telah di-tetapkan atoran-nya ia itu di-pilih bergeler2 daripada orang2 yang dalam tiga warith di-namakan Warith berundang ia itu ia-lah warith Ulu Jelebu, warith Sarin, dan warith Kemiri. Dua warith yang kemudian itu telah di-masukkan boleh menyandang ia-lah dengan persetujuan muafakat kemudian-nya, kerana tatkala mula2 dahulu ia-nya-lah warith Ulu Jelebu sahaja yang telah menyandang mengadakan Undang empat orang berturut2, tiada daripada warith lain lagi. Jadi-nya warith yang tiga ini ada-lah tampok-nya satu juga ia itu warith Ulu Jelebu dengan jalan semenda menyemenda maka jadi-lah dalam perbilangan-nya hendak menahab pun dengan kebulatan dan menambah pun dengan kebulatan juga, maka ada kebulatan warith itu maka lalu di-persetujui sahaja-lah. Dengan ini mereka ada-lah dalam perbilangan-nya Sa-warith sa-pesaka sa-aib sa-hina sa-sopan. Ka-budut sama di-daki, lurah sama di-turuni, chichir sama rugi dapat sama laba.

Pesaka bagi tiap2 warith ada juga menunjukkan keterangan-nya berkenaan cerita sejarah luak ini. Pesaka warith menteri ia-lah Subang Kayu Arang; Pesaka Warith Ulu Jelebu ia-lah Subang Gading dan Sumpitan Kayu Beberas dan Sigar Jantan. Pesaka Warith Sarin ia-lah Pedang Memanchong dan pesaka warith Kemiri ia-lah Destar Berkabung, Keris Bertatah serta Changai Putri. Warith Ombi sahaja yang ta' ada keterangan berkenaan pesaka mereka ia-nya tersebut jawatan-nya itu sahaja. Sungguh pun kita tidak mengetahui permulaan asal-nya warith Sarin dan warith Kemiri oleh sebab lambat-nya mereka menyandang Pesaka Undang Luak Jelebu itu ada-lah jelas; asal-nya satu juga. Dengan persemendaan yaani nikah kahwin sa-orang warith dari warith Ulu Jelebu dengan sa-orang orang warith Ombi atau menteri yang duduk di-Sarin maka di-beri-lah mereka itu Pesaka yaani jadi warith Sarin dan begitu juga-lah akan permulaan Warith Kemiri itu dengan diffusi perkahwinan dan juga persetujuan dan persediaan segala warith2 itu supaya Pesaka mereka jangan hilang oleh pupus Zuriat mereka kelak. Kita boleh menganggap dari kenyataan ini ia itu pesaka2 mereka yang dua itu mengandungi barang2 unsor2 Melayu dan berbedda dengan hak2 kepunyaan warith Ulu Jelebu dan warith menteri yaani barang2 unsor Biduanda Jakun menyatakan yang hak2 mereka itu ada-lah baharu juga yaani di-zaman Biduanda Warith juga.

Sekarang kita mengambil perhatian akan senarai salasilah Undang Jelebu dan ada tersebut dua nama2 ketua2 biduanda menunjukkan mereka itu berasal satu juga. Dua nama2 lagi yang telah tersebut di-atas jadi ketua mereka ia itu Lambong Setia Raja, atau Batin Mahagalang, Jenang Singa Raja Setia, ada-lah mereka memerintah di-zaman sa-belom menganut adat Perpatih yang sepenoh-nya. Zaman Moyang Angsa berkahwin dengan Dato' Gombak, Moyang Acheh berkahwin dengan Dato' Mentunggang ia itu-lah zaman-nya orang Melayu Minangkabau datang mengembangkan Adat Perpatih ka-daerah pedalaman ini melalui Langkat dan bermasharukat dengan menyemenda di-Ulu Jelebu sebagaimana kesab-nya dahulu itu. Lalu di-beri-nya nama warith Ulu Jelebu akan warith yang di-kahwini-nya itu. Akan keturunan-nya warith ini-lah ia itu Moyang Saleh yang pertama sekali menyandang Pesaka Undang itu dengan

SUKU TANAH DATAR.

GELARAN LEMBAGA-NYA DATO' CHINCHANG MAHARAJA LELA.

Perut mengikut Geler.	Perut Tembun	Perut K-Klawang	Perut Kg. To' Bujang
Buapak	Tok Juan	Tok Akim	Tok Sutan.
	Dagang	Tuang	Tanggoh
	Maali	Kadir	Wahid
	Pileh	Timbang	Ali
	Hj. Jalil	Sidek	
		Tahir	
		Sakar	
		Ujang	

Ulu daripada dato' yang lapan ini ada beberapa dato2 lain lagi yang menjadi Tua Igi kumpulan mereka pula seperti:-

Dato' Amar Penghulu.	Lembaga Suku Biduanda Ulu Klawang dahulunya termasuk dalam lengkungan Luak Sungai Ujong.
Perut mengikut geleran-nya ia-lah	Rambai Baris
	Tanjong Berangan
	Kg. Bukit Peraduan

-nya di-pilirkan mengikut kata adat-nya di-hadapan penghulu-nya jika Penghulu-orang Rambai Baris jadi Tok Menti di-beri oleh orang perut Tanjong Berangan itu-lah seterusnya ia-Kg. Bukit Peraduan juga mengikut geleran-nya sahaja.

Dari Suku Tiga Banu. Dato' Lela Angsa. (Bekas ayer laki Yamuan Jelebu di-hapuskan sa-lepas-nya lenyap Yamuan Jelebu.)

Tambahan gelaran Dato' Shahbandar itu ada-lah "Puchok Bulat Warith di-ayer, pua segala dagang. Dengan ini maka dari samanjak dahulu lagi telah ada beberapa Dato'2 yang mewakili beberapa kumpulan orang dagang di-bawah nadhiran-nya erti yang berikut:-

Dato' Sura	Tua Orang Rembau.
Dato' Sati	Tua Orang Pileh.
Dato' Muda	Tua Orang Pahang.
Dato' Empat	Tua Orang Minangkabau.
Dato' Setia Empat	Tua Orang Jawa.
Dato' Dagang Jambi	Tua Orang Jambi.

Di-bawah dato'2 yang tersebut di-atas tadi ada beberapa buapak pula seperti telah di-sebut itu. Mereka ini ada-lah menjadi pengawas sesuatu perut dalam atau warith-nya itu dalam penyelenggaraan adat. Ia-nya ada-lah berkewajipan jadi penolong kepada tua suku atau warith-nya di-dalam hal dan urusan kelengkapan dan taburan adat. Kesemua jawatan di-dalam adat perpatih ada-lah leh. Ini berdasarkan pusaka dan geleran. Dasar pusaka itu ada-lah menurut dasar leh warisan itu.

gelaran yang penuh ia itu Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman, sa-telah mengadap ka-Johore oleh menchari Adat beranikerana benar maka ia di-anugerahi dengan Mohor Serta Kebesaran oleh Maharaja Johor saperti tersebut kesah-nya dahulu itu.

Mengikut kenyataan yang di-dapati pada Mohor Jelebu itu ada-lah Anugerahan itu di-beri oleh Tengku Abdul Jali V Tengku Besar dan Sultan Johor. Bila balek ka-Negri Sembilan ia memberi tahun Undang yang lain2 ia itu Jelebu telah berputus Beraja ka-Johor, dan memaalomkan pemberian Sultan itu kepada-nya, tetapi ia menolak kata-nya ia ta'mahu jadi Sultan kerana ia bukan keturunan Raja jadi kata-nya perentah-lah luak masing2 jadi Dato' Undang dan raja juga. Maka semua Undang pun bersatuju atas chadangan Dato' Undang Jelebu itu lalu mereka pun bersurai daripada perjumpaan itu ia itu di-pondok Dato' di-tempat yang sekarang terkenal dengan nama Bukit Putus.

Di-zaman dahulu sa-belom ada-nya pemerentahan yang berperatoran ber-kerajaan saperti hari ini, di-Jelebu Luak ini terbahagi sabagai berikut. Warith Ulu Jelebu mempunyai Ulu Jelebu, Langkap dan Jenam anak Sungai Jelebu, Warith Sarin mempunyai Sungai Sarin, Pah dan Relai semua-nya bersatu dengan Sungai Teriang sa-lepas tiga batu di-hilir Kuala Jelebu; Warith Kemir mempunyai tempat yang bernama Kemir, lebeh kurang dua batu di-hulu Sungai Klawang dari Kuala Jelebu dan juga tanah dekat Sungai Teriang lebeh kurang suku batu di-kiri kanan kampung Bemban sekarang ini. Yang sa-benar-nya tanah2 yang di-punyai oleh ketiga2 warith berundang itu ha-nya-lah lurah2 kecil yang di-duduki oleh warith2 itu saperti perbilangan-nya "Tanah sawah yang berjirang lembaga yang punya". Mengenai warith menteri dan Ombi hak-nya berlainan pula. Tanah mereka bukan-nya lurah2, tetapi ia-lah banjaran bukit2. Pada warith menteri pergi-nya Bukit Kudek, Bukit Buhai dan Permaung Galengga dan juga dua batang sungai ia itu Sungai Lemli dan Sungai Kenaboi, kapada warith Ombi, Bukit Gabang Gabing, Bangkang Gading, Lebah Bergoyang, Moyang Kaban, Mempelas dan Sungai Tinggi dan Gelami. Bukit Kudek ia-lah di-Ulu Kenaboi dan Galengga barangkali sama-lah galengga yang sekarang itu juga. Bukit Lebah Bergoyang ia-lah di-hulu Teriang dekat Kapau. Bukit ini dengan lurah-nya termasuk-lah semua daerah Jelebu di-utara Sungai Teriang.

Jika di-teliti maka ada-lah perhubungan persemendaan orang2 Melayu dengan Perempuan Biduanda Jakun tidak dapat di-nafikan kerana cherita2 orang2 Melayu mau pun orang2 mantera ada menerangkan keterangan itu. Ini bersesuaian dengan cherita2 orang Melayu juga ia itu Dato'Ombi Bata atau kesu yang Pertama di-angkat oleh Dato' Undang Moyang Saleh ia-lah sa-orang dari Perut Larong dari warith ombi suku biduanda sasilah. Boleh jadi ia-nya ada-lah chuchu laki2 Galang dari sa-orang anak perempuan-nya dan suami-nya sa-orang Melayu. Mengikut cherita-nya tentang barang2 pesaka di-Jelebu ada pula tersebut yang bernama Sendok Keluang menyatakan tua-nya benda2 itu, ia-lah sekarang sa-buah batu 'Ajaib di-Teriang dan Sigar Jantan tersebut dahulu ia-lah sa-bilah Keris ia itu Pesaka Warith Ulu Jelebu dan juga ada hubungan-nya dengan Puaka bernama "Biring Berkiling" yang menyediakan nasi sa-dulang untuk Mahu Galang di-Kuala Dulang itu ada-nya.

Ada pun merela2 yang telah di-lantek moyandang Pesaka Undang itu ia-lah saperti berikut dengan Gelaran Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Sultan Jeleb (Undang Luak Jelebu) Saperti berikut:-

- | | |
|--|-------------------------|
| 1. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman, | |
| Dato' Moyang Saleh | dari Warith Ulu Jelebu. |
| 2. Dato' Bukur. | " Warith Ulu Jelebu. |
| 3. Dato' Bahul | " Warith Ulu Jelebu. |

4. Dato' Yunus	"	Warith Ulu Jelebu.
5. Dato' Lub (Kulup)	"	Warith Sarin.
6. Dato' Deraman	"	Warith Kemin.
7. Dato' Durongga (Dato' Gajah, Tua atau Dato' Gila)	"	Warith Ulu Jelebu.
8. Dato' Pandak	"	Warith Sarin.
9. Dato' Mahmud (Kulup Tunggal)	"	Warith Kemin.
10. Dato' Hj. Ibrahim.	"	Warith Kemin.
11. Dato' Syed Ali bin	"	Warith Ulu Jelebu.
12. Dato' Abdullah bin Panglima Mudo Luk	"	Warith Sarin.
13. Dato' Shahmaruddin bin Abdul Rahman	"	Warith Kemin.
14. Dato' Abu Bakar bin Mahmud	"	Warith Ulu Jelebu.
15. Dato' Musa bin Wahab	"	Sarin

Warith Kemin mengadakan Undang-nya dua kali berturut2 itu ia-lah oleh sebab Dato' Mahmud itu sabentar sahaja jadi Undang ia pun terpechat lalu di-buang ka-Pahang oleh sebab banyak kelakuan-nya yang di-dapati salah oleh adat terutama sakali kerana ia menyimpan sa-orang perempuan China di-bawa-nya dari Rembau jadi Gundek-nya.

Sekarang jelas-lah sudah ia itu apa yang di-warithi oleh pehak2 yang berkernaan Pesaka di-Jelebu itu ia-lah Jawatan dalam satu2 warith itu yang maseh ada hingga ka-hari ini. Untuk mendapat-nya misti-lah daripada pehak yang berhak sahaja dan juga di-pilih dan di-siasat tentang adat-nya seperti Dahaga Dahagi, Sumbang Sulit-nya, membuat Rumah dalam Rumah Semenda-nya dan lain2 lagi.

Berkernaan saka baka beneh bakal menyandang satu2 jawatan itu hendak-lah bersen tidak ada yang akan perbilangan-nya, satu di-beri dua di-ambil, pelesit dua sa-kampung dan anau sabatang dua sigai dan kesalahan dalam ugama umpama murtad, china buta dan ambil upah talak tiga dan juga kesalahan jenayah. Kelayakkan yang di-kehendaki ha-nya-lah beneh yang baik di-tanam pada tanah yang baik layak-lah menyandang pesaka.

BAB VI

TABURAN ADAT LUAK JELEBU

Hidup di-kandung Adat, Mati di-kandung Bumi. Adat dalam rangkaian kata adat perpatih ada-lah satu istilah yang pada hari ini selalu memberi tafsiran maksudnya yang mengelirukan. Ini ada-lah kerana istilah itu sendiri mempunyai maksud yang amat luas. "Adat berpangkal ka-bumi, adat berpuchok ka-langit. Adat Perpatih, Chinchang di-beri pampas, Mati-di-beri balas". Anak di-panggil mahan anakbuzh disorong balas. Mithal-nya istilah adat itu telah dan sedang di-gunakan orang untuk memaknakan yang mereka sayang akan-nya hingga timbul-lah perbilangan ini, "Biar mati anak jangan mati adat". Mati anak menangs ibu bapa-nya maka mati adat menangs-lah seluruh negeri. Dalam taburan-nya misti-lah berpandukan: "Usul, usul, asah, asal, Asas jangan di-tinggalkan. Sakit bermula mati bersebab. Kata berasal hujan berpohon." Huralan-nya selidik dan siasat. Marah berjalan. Di-chari atau di-usuli darimana mula terbit-nya suatu kejadian yang hendak di-adatkan itu sama ada pergaduhan atau penyelesaian atau sebagai-nya. Kalau hendak membuat sesuatu penyelesaian dalam sa-suatu pergaduhan selalu-nya di-mulakan dengan panduan ini.

Adat Perpatih dalam erikau-nya yang sebenar bukan maana-nya ada-lah suatu kumpulan undang, jika-lah boleh di-panggil undang yang tiada bertulis tetapi di-terima dengan baik oleh seluruh anggota masyarakat itu sendiri. Ia-nya ada-lah kumpulan perbilangan yang telah di-turunkan dengan perantaraan mulut dari ibu kepada anak semenjak beberapa kurun. Adat ini-lah yang mengawal gerak geri dan tata tertib masyarakat itu, ada-lah berdasarkan Undang Alam dan Sifat Perangai manusia (Law of Nature). Susunan adat Perpatih ada-lah terbahagi kepada tiga bahagian ia itu adat semata, adat yang teradat, dan adat yang di-adatkan. Dalam susunan adat perpatih ha-nya adat semata ini sahaja yang tidak bisa di-tukar ganti.

Ada pun adat semata itu kalau di-buat akan mendapat kebajikan dan kalau tidak menunaikan-nya ada-lah salah dan pada garis kasar-nya boleh di-katakan bahawa adat semata itu ada-lah sebagai hukum wajib dalam shara' ia itu mendapat pahala kalau mengerjakan-nya dan salah (Ber dosa) kalau melanggar-nya. Di-antara perkara yang di-katakan adat semata dalam susunan adat perpatih itu ia-lah seperti ayer mengalir ka-kuala, Alam beraja, Luak berpenghulu suku bertua, dan anakbuah beribu-bapa. Ini ada-lah di-antara beberapa adat semata yang tidak biasa di-ubah dan di-tukar ganti itu. Dengan ini-lah timbul-nya perbilangan ini. Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitabullah. Adat m' lipok dek hujan, ta' lelang dek panas.

Maka ada pun yang di-katakan adat yang teradat itu ia-lah seperti soal nikah kahwin, soal bersalin, bechukor anak, menyalang dan mengenal anak menantu. Adat sa-macam ini, tidak salah kalau tidak di-jalankan oleh anak buah, tetapi mendapat kepujian kalau menjalankan-nya. Apa yang teradat ini biasa di-ubah dan di-tukar ganti mengikut keadaan zaman asalkan mendapat muafakat dari suku dan puak itu sahaja. Adat itu ada-lah kepunyaan seluruh masyarakat itu. Oleh sebab itu maka sa-sa-orang itu tiada boleh berikht sakhendak hati-nya sendiri. Mereka terpaksa menurut kehendak adat itu jika-lah mereka ingin hidup di-dalam masyarakat itu. Menemandang kepada betapa penting-nya adat kepada masyarakat itu maka orang dahulu rela mengurbankan anak kandung mereka sendiri jika-lah anak telah melanggar adat. Ini ada-lah di-dapati dari perbilangan yang bermata. Biar mati anak jangan mati adat.

Adat ada-lah menjaga ketenteraman masyarakat itu, tetapi anak itu jika-lau berjiwa tanggung jawab menjaga ketenteraman ibu bapa-nya sahaja. Oleh mementingkan masyarakat daripada diri sendiri maka orang2 dulukala rela memutuskan tali jantung mereka sendiri agar jangan perbuatan itu merosakkan masyarakat seluruhnya seperti kata kiasan, Sebab nila sa-titik rosak susu ka-belanga, Lain Lubok Lain Ikan, Lain padang lain belalang. Sa-orang Ahli ilmu jiwa pernah mengatakan bahawa manusia itu ada-lah pada mula asal-nya berkelakuan kasar dan samula jadi-nya bersifat tamak, tetapi apabila mereka telah mula berkediaman di-dalam suatu kumpulan atau masyarakat maka dengan sendiri-nya mereka menyerahkan kebebasan mereka itu kepada suatu badan yang di-beri kuasa penuh yaitu kerajaan dan pada adat perpatih pemegang adat itu-lah kerajaan-nya dan adat itu-lah undang2 kerajaan-nya. Badan itu ada-lah bertanggung jawab untuk menjaga keselamatan dan keadilan terhadap mereka. Sebaliknya mereka ia itu anak2 buah serta buapak dan lembaga-nya ada-lah berkewajipan untuk menurut segala perintah adat itu ataupun kuasa-nya itu. Adat perpatih yang di-pakai oleh kebanyakan daripada penduduk2 Negeri Sembilan dan juga sabahagian daripada Melaka ada-lah berasal dari tanah Saberang, Minangitabau, Sumatra. Ini di-bawa oleh nenek moyang kita yang membuka negeri ini.

Oleh lama-nya perpisahan itu berlaku maka adat2 yang di-dapati di-kedua2 wilayah ini ada-lah banyak perbezaan-nya. Ini ada-lah di-sebabkan oleh masa dan keadaan di-sakiling-nya. Bukan sahaja perbezaan itu di-dapati di-antara Sumatra dan N. Sembilan bahkan di-Negri Sembilan sendiri ada perbezaan itu di-antara daerah2 atau luak yang memakai Adat Perpatih itu sendiri. Perbezaan ini bukan-lah pada dasar-nya tetapi ada-lah pada pembawaan-nya adat itu sahaja yaani berbeza temang hak2 asasi masing2 itu sahaja. Ini mengikut cara kegunaan-nya adat itu di-tempatnya. Di-Jelebu dato'2 yang berkenaan chuma menasihatkan anakbuah-nya dalam perkara adat agar jangan terjadi beberapa perkara yang tidak di-ingini. Ada pun maksud yang utama di-dalam Adat Perpatih itu ia-lah ketenteraman keseluruhan-nya. Ini meliputi dari keluarga sampai kepada seluruh negeri.

Oleh itu maka hendak-lah orang yang membawa adat perpatih itu beringat jangan pembawa adat itu mengakibatkan perpecahan dan permusuhan. Sebab itu-lah maka selalu di-dapati bahawa beberapa perkara telah berjalan dengan baik-nya dengan tiada mengikut adat yang sebenar, ini ada-lah berdasarkan perbilangan yang berbunyi "Bulat ayer dek pemetong, Bulat manusia dek muafakat. Muafakat ada-lah dasar yang utama bagi sesuatu adat itu. Jika-lau tidak muafakat masakan adat itu, dalam perkara ini undang2 juga boleh di-jalankan. Untuk mengelakkan beberapa perkara yang tiada di-ingini berlaku akibat dari pembawaan adat itu maka roang2 dahulu kala telah membekalkan beberapa perbilangan untuk menjadi pedoman dalam menyelesaikan yang kusut dan menjernehkanyang keroh seperti di-katakan tadi. "Di-anjak layu di-anggur Mati". Adat Perpatih itu ada-lah adat Saka- Adat yang mengikut keturunan dari sebelah ibu. Dengan ini maka si-anak itu ada-lah mewarisi si-ibu-nya bukan si-bapa. Dengan maksud ini maka adat itu telah dapat mengatasi beberapa kesulitan hidup di-dunia moden ini. Juga adat itu telah menyelamatkan masyarakat itu daripada pengaruh kebendaan dan kekejaman, masyarakat moden. Adat semataz ia-lah umpama Ayer mengalir, Alam beraja, Luak Berpenghulu, suku bertua, anakbuah beribu bapa, itu sahaja yang tidak boleh di-tukar ganti.

Seperti kerajaan yang telah ada dalam dunia ini Adat Perpatih juga mempunyai perlembagaan sendiri. Ini ada-lah mengikut dasar adat SAKA yang tersebut di-atas tadi. Sungguhpun dasar adat yang di-pakai di-seluruh Negri Sembilan dan sabahagian negri Melaka sama tetapi perlembagaan-nya ada-lah berbeza. Ini mengikut tempat-nya. Di-Jelebu suatu badan yang di-panggil Tiang Balai tidak ada seperti yang di-

dapati di-Luak yang Lain2. Badan yang serupa kuasa-nya dengan ini ada-lah di-
penohi oleh "Orang Delapan" atau Dato'2 Delapan. Dato' Delapan ini ada-lah Tua bagi
warith2 dan suku2 yang mula2 di-abadikan di-dalam Luak Jelebu itu. Mereka2 ada-lah

- | | |
|---|--|
| 1. Dato' Menteri,
Sah Mangku Alam Raja Sahari. | Tua Warith Menteri
Biduanda Sasilah. |
| 2. Dato' Mengiang Merah Bangsa. | Lembaga Suku Mungkal. |
| 3. Dato; Chinchang,
Maharaja Lela. | Lembaga Suku Tanah Datar. |
| 4. Dato' Senara Angsa. | Lembaga Suku Batu Belang. |
| 5. Dato' Ombi,
Pangkal Maharaja Lela. | Tua Warith Ombi
Biduanda Sasilah. |
| 6. Dato' Raja Balang | Tua Warith Ulu Jelebu
Biduanda Warith Berundang |
| 7. Dato' Padukz Menti | Tua Warith Sarin
Biduanda Warith berundang. |
| 8. Dato' Maharaja Inda. | Tua Warith Kemin
Biduanda Warith Berundang. |

Segala suku2 dan warith2 yang tersebut ada-lah mewakili adat dalam per-
lembagaan-nya di-luak Jelebu; suku biduanda ada dua ia itu Suku Biduanda sasilah dan
suku biduanda warith. Suku Batu Belang, Tanah Datar, Mungkal dan Tiga Batu. Suku
Biduanda terbahagi kepada lima sabagai yang tersebut tadi ia itu warithsasilah dua
dan warith Berundang tiga. Warith sasilah ia-lah warith menteri dan ombi dan warith
berundang warith Ulu Jelebu, Sarin dan Kemin.

Satagaimana yang telah teradat dan di-sahkan semua lima2 warith itu ada-lah
berhak menerima sara hidup bulanan yang di-terima-nya di-panggil duit hasil negeri
atau kata adat-nya Lemak Tanah, akan hal warith sarin pula telah di-pecah dua dan
satu pecahan daripada-nya tidak boleh mengadakan Beneh Undang sebab-nya
ia-lah kerana Tua-nya yang pertama Dato' Raja Teras, telah membunuh sa-orang
ruayat Undang dengan tidak menghiraukan Undang.

Semua jabatan di-dalam perlembagaan adat perpatih ada-lah di-pileh, ini
berdasarkan pusaka dan gileran. Dasar pusaka itu ada-lah menurut dasar warithan
jabatan itu. Pusaka Undang di-warithi oleh Warith yang tiga, yaitu warith Ulu Jelebu,
Sarin dan Kemin. Maka salah satu daripada warith yang tiga ini bernak menyandang
pusaka Undang itu pada satu ketika. dasar giliran itu ada-lah mengikut atozan yang
tertentu bagi menyandang pusaka itu yang di-rangka dari zaman purbakala bagi. Ada
pun lantekan dato' Tua suku atau warith itu berdasarkan pusaka dan gileran juga.
Tetapi di-sini pusaka itu terhad kepada ahli2 suku atau warith itu sahaja, yaani yang
berkenaan sahaja. Tentang gileran pula, ini kena kepada perut yang ada dalam suku
atau warith itu. Ini ada-lah mengikut gileran yang tertentu juga di-antara perut itu.

Akan lantekan buapak pula, ini ada-lah berdasarkan pusaka sahaja. Ini ada-lah
kerana ahli2 di-dalam sesuatu perut itu ada-lah berasal satu sebab itu-lah maka
istilah perut itu di-gunakan untuk maksud kumpulan itu. Dasar adat ia-lah ada ke-
bulatan menjadikan. Tiada kebulatan menyerah. Kesemua lantekan ini hendak-lah
dengan sebulat suara (Kebulatan). Jikalau ada yang membangkang lantekan itu maka
lantekan itu gugur dengan sendiri-nya. Jikalau tiada juga mendapat kebulatan maka
lantekan itu di-serahkan kepada yang di-atas-Tua kepada Undang. Buapak kepada Tua.
Ini ada-lah kerana segala lantekan itu ada-lah untuk sa-umur hidup-nya, kecuali
jikalau orang yang di-lantek itu melanggar adat itu sendiri. Pendek kata orang yang

di-lantik itu tidak boleh membuat sakedondak hati-nya kechuali mengikut kata dan tunjukkan adat juga.

Sa-orang Undang tidak boleh membuat mengubai atau menukar apa2 hal perubahan taburan adat dengan tidak mengemukakan perkara itu kepada Kabinet Adat-nya ia itu kepada Dato' Delapan yang ada kuasa memecat dan mengesahkan lantekan sa-sa-orang Undang itu dan juga dalam hal adat berkenaan segala pegawai2 di-dalam kabinet-nya juga. Ini hendak-lah dengan syarat semua mereka berkebulatan dalam apa2 chudangan mereka. Undang di-pilih bergeler2 mengikut susunan adat dari warith yang tiga sahaja sebagai-mana di-bawah ini ia itu warith ulu Jelebu, warith sarin dan Kemiri. Apabila sa-orang Undang Mangkat maka Dato' Menteri menjadi pemangku Alam Undang untuk beradat dan menguruskan menchari ganti-nya. Yang termalam ia-lah Undang Mangkat, Undang Menanamkan dan ini bermaana tanggung jawab segala dato2 menjunjung pesaka adat ada-lah berat dalam masa menyandang ia itu misti-lah mengkaji untuk Bakal yang akan di-gantikan apabila sa-orang Undang itu mangkat dan bersama2 mendirikan adat maka dapat-lah menjalankan Tujokkan Adat Undang Mangkat Undang Menanam Bukan sabalek-nya.

Dato' Menteri sebagai pemangku Alam Undang sewajar-nya-lah mengendalikan dan memerintah kepada segala yang berkenaan dan perintah-nya pada hari itu di-panggil Sabda. Tugas Lembaga yang tiga mula-nya berlunas kepada Dato' Menteri dan memaalamkan untuk menchari Undang yang baharu. Dato' Menteri apabila di-beritahu oleh lembaga yang tiga merujukkan permintaan lembaga yang tiga itu kepada Dato' Ombi sebagai Tali Pesaka dan Dato' Ombi misti menghubungi warith yang tiga geler siapa yang kena untuk mengemukakan SA-ORANG bakal Undang. Dato' Ombi boleh dan berhak mengetahui berkenaan pesaka bernali kepada kepala warith menyambut geler itu sahaja. Ia boleh mengupas latar belakang Bakal itu yang di-kemukakan oleh warith-nya, dari pada Lembaga yang tiga. Bila Dato' Ombi Puas hati dalam hal pesaka ia pun membawa Bakal yang di-kemukakan di-panggil Beneh pada Dato' Menteri untuk di-istiharkan yaani menanam Beneh. Dato' Menteri boleh mengetahui bertanya berkenaan adat bersabit dengan bakal daripada warith itu mengupas hal2 adat-nya bertanya kepada lembaga yang tiga. Apabila mustaed ada-lah kewajipan Dato' Menteri mengemukakan Beneh itu kepada Majlis Adat Dato 2 Delapan berkebulatan menerima Bakal Undang itu untuk di-istiharkan lantekan-nya dan kepuruan itu ada-lah mu'tamat bagi Adat-nya. Peristiharan lantekan di-suarakan oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sahari sebagai Haluan Sembah. Tiga tahun sekali orang delapan mengadap untuk menjunjung sabda dan menyempurnakan kehendak2 adat mengikut susunan adat istiadat yang tertentu di-Luak Jelebu.

KANUN ADAT LUAK JELEBU

PERLEMBAGAAN ADAT JELEBU TERSIRAT DALAM SIRATAN YANG TERTERA DI-BAWAH INI.

PERTAMA MENCHABUT, KEDUA BERTANAM, SAH SA-KATA, BERKEBULATAN DATO'2 YANG DELAPAN.

KATA BERCHARI KAPADA LEMBAGA YANG TIGA,
YA ITU DATO' MENGIANG, DATO' CHINCHANG, DATO' SENARA.

TALI ADAT KAPADA MENTERI, TALI PESAKA KAPADA OMBI,
SAH BATAL SURUT LALU UNDANG KAPADA WARITH-NYA.
HIDUP MATI KAPADA UNDANG: GEMOK BERPUKOK SEGAR BERSIRAM KAPADA WARITH-NYA.

BILA WARITH ULU JELEBU MENJADI UNDANG,
DATO' RAJA BALANG TITIAN ADAT.

BILA WARITH SARIN MENJADI UNDANG,
DATO' PADUKA MENTI TITIAN ADAT.

BILA WARITH KEMIN MENJADI UNDANG,
DATO' MAHARAJA DDA TITIAN ADAT.

BILA ROSAK PESAKA BERTENGOK KAPADA DATO' OMBI, BILA ROSAK ADAT,
BERTENGOK KAPADA DATO' MENTERI.

PATAN TUMBOH, HILANG BERGANTI, GANTI HIDUP BERKERELAAN, GANTI
MATI BERKEBULATAN.

Untuk menjalankan pentadbiran adat ada-lah tugas masing2 di-dalam-nya.

1. DATO' LEMBAGA YANG TIGA.

Dato' Lembaga Yang Tiga ini mereka ada-lah di-pilih oleh anak2 buah dan buapak suku-nya dan buapak suku-nya itu pula oleh anakbuah-nya, mengikut gileran perut. Lembaga yang tiga berhak membuat aduan, hal2 anakbuah dan adat, chadangan2 dan memohon untuk pilehan undang dan menjadi tanggung jawab-nya sebagai kata berchari. Dalam hal lain2-nya semua-nya misti di-buat-nya kapada Menteri sebagai Lunas Lembaga. Ia misti memikirkan segala2 hal2 yang datang dari lembaga itu dan membawa perkara itu ka-atas jika di-fikirkan bersesuaian dan baik. Ini ada-lah kerja dan kewajipan lembaga yang tiga selain daripada uti Tua pada segala suku-nya itu.

2. DATO' MENTERI & OMBI.

Dato' Menteri ada-lah pemangku Alam Undang pada masa antara kemangkatan sa-orang Undang dan lantikan yang baharu. Ia di-bolehkan mengahui berkenaan adat bersabit dengan bakal undang, dari lembaga yang tiga untuk mengupas hal adat untuk lantikan undang baharu. Masa ada Undang ia-nya boleh membawa apa2 hal adat dari lembaga yang tiga ka-pengahuan Undang sebagai kunchi Undang ia-lah Menteri. Tetapi Menteri tidak di-bolehkan memaalomken kapada Undang Terus2an bersendirian, ia misti melalui Titian Adat. Dato' Ombi Tali Pesaka tempat berseretmpo-nya warith yang tiga memberi Beneh Bakal Undang. Ia-nya di-bolehkan mengahui fasal Pesaka sahaja dan bertanya kapada Lembaga Yang Tiga.

3. TITIAN ADAT.

Titian adat ia-lah Kepala Warith yang menyandang Pesaka Undang Pada masa itu. Ia akan membawa apa2 bawaa atau aduan adat atau persembahan Menteri ka-pengahuan Undang, dan jika perkara-nya sangat berat, memanggil semua warith-nya bersama. Warith undang akan memikirkan sama ada mereka patut menyokong undang berkenaan dengan hal yang di-adukan, atau di-surot dalam membuat suatu rancangan atau dasar sebagai gemok berpupok segar bersiram atau membantu-nya jika di-fikirkan baik ia itu segar bersiram. Kuasa Undang itu ada-lah di-awasi dan terhad, di-badikan dan dikuatkan oleh Warith-nya, dan dia juga ada pula kuasa Pembatal-nya.

4. UNDANG LUAK JELEBU (KUASA-NYA).

Sa-kecil2 anakbuah, Sa-Besar2 Undang. Tiada-lah orang lain yang menguasai Kuasa Undang itu. Hidup mati ada-lah kapada Undang, juga dalam hal lapasan sa-sa-orang pegawai-nya ia hanya membuat rojokan memberitahu penerima: saja di-depan orang delapan-nya. Dengan kebulatan yang delapan boleh sa-sa-orang itu di-bunuh atau lain-nya. Akas-nya di-singkir atau di-terima. Ini-lah kuasa vasa-nya (Pembatal). Undang mempunyai banyak kebesaran dan ada mahkamah keadilan: ada-nya di-mana Adat berator bilang tertentu dan di-jalankan selalu-nya di-Balai Pajang-nya.

5. DATO' DELAPAN.

Orang Delapan luak ini ia-lah Kepala2 warith dan suku2 di-sini ia itu dato'2 yang memegang kuasa untuk menjalankan adat mengikut perlembagaan-nya, jika-lah kebulatan telah di-dapati, lalu-lah jika belum berunding lagi. Para mereka terpulang keputusan akhir dalam perkara lantikan dan pechatan di-luak Jelebu. Mereka juga misti di-bawa berunding berkenaan dalam semua perkara pentadbiran dan dasar perjalanan adat. Pada satu masa dulu bilangan mereka ada-lah sa-puluh kerana dato' Raja Di-Raja dan Dato' Lela Angsa bersama2 dalam-nya. Yang Adat delapan sekarang itu mewakili ahli2 asal-nya, oleh sebab Dato' Raja Di-Raja pun pada-nya pechahan warith sarin dan Dato' Lela Angsa ada-lah oleh sebab ada-nya dan itab Yamtuan Jelebu dahulu, apabila hilang, ia pun hapus dari balai Undang.

6. ADA PUN CAJAH TUNGGAL ITU IA-LAH (UNDANG).

Yamtuan Jelebu itu pada masa ada-nya dulu ha-nya-lah Tampok Keadilan, sa-ekor Ular Besar di-beri makan oleh Undang ia itu Cajah Tunggal. Bagai-lah saloran perlembagaan adat Luak Jelebu, dengan sechara amalan praktikal-nya atau kuakuasa-nya yang orang Jelebu telah anuti hingga hari ini. Bersirat2 dan beramal2 dan banyak pechahan2 tetapi penoh dengan kekayaan perbilangan dan peratoran yang berupa Pepatah Petiti dan peratoran, nilai kebudayaan dan kesenian yang masih praktikal dan boleh menyelamatkan manusia, bukan chara kuku besi hingga ka-hari ini adat ini di-amalkan dengan berpandukan muafakat. Senang sahaja jika di-seser dasar adat itu ia' berapa di-hormati oleh orang sekarang yang menganggap diri-nya progressive, ha-nya untuk pegangan lebih daripada amalan hari2 ia-lah oleh sebab kepentingan kebendaan menjalar ka-dalam jiwa-nya. Tetapi adat Perpatih yang di-anggap Usang oleh pemuda pemudi sekarang itu tetap boleh berkembang sampa' bila2 oleh sebab ia-nya mengutamakan muafakat yaani persesuaian yang sejati dari segala pihak, kerana satrip yang menggunakan kuasa kuku besi akan hancor juga akibat-nya sebagaimana yang kita lihat dan dengan kerajaan dan negeri2 serta raja2 besar di-dalam dunia hari ini. Rumusan-nya yang telah berjalan dan sedang berjalan dan akan di-jalankan itu ada-lah berchorak Demokrasi. Dengan memilih si-orang wakil bagi tiap2 satu kaum atau suku maka suatu perlembagaan yang praktis boleh di-jalankan. Ini ada-lah kerana sesuatu kumpulan itu tiada boleh menguasai yang lain dengan berdasarkan bilangan kerana walau pun bilangannya banyak tetapi suara mereka ada-lah serupa dengan kumpulan yang ramai atau kecil-nya ia itu satu saja. Dengan ini lah datang-nya Kanunan Adat "Undang Jelebu Berkeadilan dan Berlembaga." Pendek-kata tiap2 kumpulan di-dalam luak ini ada-lah di-wakili dan dengan ini maka suara mereka dari semua golongan ada-lah kedengaran. Maka ada-lah di-ingatkan di-sini bahawa chara memutuskan se-suatu perkara itu hendak-lah dengan kebulatan, sebulat suara tidak dengan suara banyak atau ramai seperti yang pernah di-jalankan di-dalam pemerintahan Demokrasi Barat.

BAB VII YAMTUAN JELEBU

Pada zaman dahulu di-Jelebu itu ada memakai Yamtuan ia itu mengikut cerita-nya bermula-nya dalam zaman pemerintahan Dato' Undang Bukur. Pada masa itu orang Jelebu berkehendakkan sa-orang keturunan raja memerintah tempat mereka, maka Raja Adil pun di-hantar ka-Jelebu. Lepas Raja Adil di-gantikan pula oleh Raja Singkul, kemudian Raja Singkul di-gantikan pula oleh Raja Asil. Ketiga-nya itu bersemayam di-tempat yang bernama Pita Serambai. Mereka semua tidak di-resmikan jadi Yamtuan Jelebu. Akan orang yang sebenar-nya telah di-angkat oleh Undang dan warith? lembaga? Jelebu jadi Yamtuan mula? di-Jelebu itu ia-lah sa-orang yang bernama Raja Tengku Ahmad Shah atau Tengku Sabun (Almarhum keramat) ia itu putra kepada Tengku Singkul.

Ada pun Tengku Sabun itu di-agakkan telah jadi Yamtuan Jelebu lebih kurang dalam T. M. 1820. Ada pun dalam cerita Jelebu tiada di-dapati tersebut pada zaman Undang mana Tengku Sabun itu jadi Yamtuan. Tetapi jika di-bandingkan daftar nama? Yamtuan dan Undang Jelebu maka harus-lah Tengku Sabun itu telah di-angkat jadi Yamtuan pada masa pemerintahan Dato' Durongga atau (Dato' Gila) jadi Undang Jelebu. Oleh sebab Dato' Durongga itu bodoh dan gila, konon-nya pada suatu masa lembaga dan warith? Jelebu telah bersatu mengangkat Tengku Sabun jadi Ketua Pemerintah mereka, kerana Tengku Sabun kelakuan-nya baik terhadap kepada rakyat Jelebu dan nampak-nya ada kebolehan menjaga negeri itu, tambahan pula ia-nya sa-orang yang pandai, cerdek serta perangai-nya pun ia-lah yang cecahat.

Seperti-lah lagi pada masa itu ada sa-orang raja putra kepada Raja Adil bernama Raja Inisan telah membuat kachau dalam Jelebu, tetapi ia telah di-halaukan oleh Yamtuan Sabun lalu lari-lah ia ka-Gemenchih ia itu katempat kaum keluarga-nya. Maka ada sa-orang chuchu kepada Raja Inisan itu bernama Raja Jaafar ia itu putra kepada Raja Lahap telah beristerikan Tengku Sulong anak saudara Yamtuan Abdullah (Yamtuan Jelebu). Ada pun Raja Jaafar itu sa-orang yang sangat tiada baik perangai-nya dan telah mati di-bunuh oleh Yamtuan Antah di-Seri Menanti. Setelah mangkat Yamtuan Sabun (Almarhum keramat), maka di-gantikan oleh putra-nya Tengku Jaya menjadi Yamtuan Jelebu. Ada pun Yamtuan Jaya ini telah mangkat serta merta pada masa melihat orang menyabong ayam di-tempat Dato' Kelana di-Pantai. Jenazah-nya telah di-bawa balek oleh Dato' Amar Mentek Ulu Klawang ka-Pita Serambai lalu di-makamkan di-sana.

Apabila Yamtuan Jaya mangkat, putra-nya Tengku Eiet dan anak saudara-nya Tengku Abdullah (Putra Yamtuan Kadin) masing? telah menuntut hendak jadi Yamtuan Jelebu, hingga terjadi pergaduhan sama sendiri pada masa itu dalam Jelebu. Dalam pergaduhan itu Tengku Abdullah telah lari ka-Sungai Ujong dan diam di-Paroi. Maka Tengku Eiet-lah jadi Yamtuan Jelebu lalu membuat tempat pemerintahan-nya di-Kenaboi. Tengku Eiet di-bantu oleh Dato' Menteri. Tetapi ia jadi Yamtuan itu nampak-nya tiada-lah di-lantek dengan istiadat, hanya dengan mengaku ia memegang gelaran Yamtuan itu sahaja telah di-panggilkan kepada-nya. Dalam masa empat tahun lama-nya Yamtuan Eiet jadi Yamtuan itu maka ia pun mangkat-lah di-Pita Serambai. Maka dengan serta merta ia telah di-gantikan oleh sa-pupu-nya yang melawan-nya dahulu ia itu Tengku Abdullah. Maka Yamtuan Abdullah ini-lah Yamtuan Jelebu yang penghabisan sa-kali, lepas itu tiada-lah Jelebu memakai Yamtuan lagi.

Ada pun Tengku Abdullah itu apabila ia jadi Yamtuan di-Jelebu maka akan ia-

nya membuat tingkah laku perbuatan-nya melampaui "Adat Istiadat Jelebu" ia itu sa-sa-orang Yamtuan itu tiada-lah berhak mempunyai negeri itu dan tiada ia berkuasa boleh memungut chukai² dalam negeri, melainkan Yamtuan itu ha-nya-lah Tampok Keadilan di-dalam negeri dan nafkah sara hidup makan minum-nya di-tanggung oleh anak negeri. Tetapi pada masa ia jadi Yamtuan Jelebu Yamtuan Abdullah telah menjalankan muslihat berkenaan dengan hal² memerintah negeri tiada-lah mahu bertanya atau pun memberi tahu lagi kepada Dato' Undang Jelebu dan ketua² dalam Jelebu melainkan di-jalankan-nya sendiri sahaja.

Maka pada 26 April tahun 1877 Yamtuan Abdullah telah membuat suatu perjanjian dengan Gabnor Negeri² Selat. Dalam perjanjian dengan Gabnor Negeri² Selat itu ha-nya-lah Yamtuan Abdullah sa-orang sahaja menanda tangani bagi pihak Jelebu; Dato' Undang dan ketua² Jelebu tiada di-bawa-nya berserta. Ada pun perkara² yang tersebut dalam perjanjian itu ia-lah Yamtuan Abdullah berkehendakkan negeri Jelebu itu dalam aman dan tiada-lah ia hendak merosakkan negeri negeri orang lain. Dan lagi di-benarkan-nya orang orang luar boleh membuat perniagaan dan membuka lombong dengan mudah dalam Jelebu.

Dalam perjanjian itu tersebut juga ia itu apa² perbalahan atau pun pergadahan berkenaan dengan hal ini jika berlaku dalam Jelebu mana mana yang ia tiada dapat menyelesaikan-nya di-serahkan kepada Sultan Johor memutuskan. Demikian-lah maksud yang tersebut dalam perjanjian itu.

Maka kelakuan Yamtuan Abdullah membuat pandai pandai sendiri dan memberikan kuasa kepada Sultan Johor berkenaan dengan hal Jelebu itu tentu-lah sangat di-marahi oleh Dato' Undang Jelebu dan lain-lain ketua ketua dalam Jelebu. Mereka sa-kali-kali tiada bersatuju dengan perbuatan-nya itu.

Kemudian daripada itu dalam T. M. 1880 berbangkit pula suatu hal lagi yang menambah lagi marah Dato' Undang Jelebu itu kepada Yamtuan Abdullah, ia itu ada sa-orang pegawai dalam Balai Panjang Dato' Undang Jelebu bernama To' Bilal Ismail telah di-hukum bunuh oleh Yamtuan Abdullah. Pada masa Yamtuan Abdullah menjatuhkan hukum bunuh itu tiada-lah ia bertanya atau memberi tahu kepada Dato' Undang dan ketua ketua di-situ. Oleh sebab itu Dato' Undang Jelebu bersama² dengan orang Delapan-nya telah bermashuarat dan mereka telah memutuskan hendak membuang Yamtuan Abdullah dari Jelebu di-halau ka-Seri Menanti.

PERSELISAHAN DI-ANTARA DATO' UNDANG SAIYID ALI DENGAN YAMTUAN ABDULLAH

Maka dengan ini terbit-lah pergadahan dan perselisihan dalam Jelebu di-antara pengikut² Yamtuan Abdullah dengan pengikut² Dato' Undang Saiyid Ali. Dato'-dato' dalam Jelebu yang menyebelahi Yamtuan Abdullah sa-tengah daripada-nya ia-lah Dato' Raja Balang Long ketua warith Ulu Jelebu, Dato' Menteri Amat, Dato' Maharaja Inda Latif dan Dato' Lela Angsa Haji Othman ketua suku Tiga Batu. Maka pada masa itu berliku-lah perselisihan hingga berbunuh-han di-antara kedua puak itu. Akhir-nya kedua dua puak itu ia-itu puak Yamtuan Abdullah dan puak Dato' Undang Saiyid Ali telah meminta pertolongan kepada Gabnor Negeri² Selat supaya menyelesaikan dan menimbangkan perselisihan mereka itu. Gabnor negeri² selat telah menghantar hal itu dan pada 24. August tahun 1883 di-perbuat-lah suatu perjanjian di-antara Jelebu dengan kerajaan Inggeris. Pada masa itu Gabnor Negeri² selat pun menghantar sa-orang pegawai Inggeris ka-Jelebu menjadi British Resident di-situ.

Maka pada masa orang-orang Inggeris menyelesaikan perselisihan di-Jelebu itu, tiada-lah mahu kerajaan Inggeris mempersatujui akan chadangan hendak memecat Yamtuan Abdullah daripada pangkat-nya itu; sebab-sebab-nya ia-lah pertama kerana pekerjaan hendak memecat Yamtuan Abdullah itu tiada di-beri tahu lebeh dahulu kepada kerajaan Inggeris; kedua kerana pechatan yang seperti itu selalu-nya di-dapati pada memberi bekas dan tiada sah; ketiga kerana Yamtuan Abdullah itu telah di-akui jadi Yamtuan Jelebu dalam surat perjanjian yang di-buat dalam T.M. 1677 dahulu. Pada masa itu T.M. 1883 kerajaan Inggeris telah menetapkan Yamtuan Abdullah mendapat gaji sa-umur hidup sa-banyak \$1,200 sa-tahun dengan syarat tiada-lah boleh ia menchampori hal pemerintahan dalam Jelebu itu, dan hal hal pemerintahan hendaklah semua-nya terpulang kepada Dato' Undang Jelebu sahaja.

Sungguhpun sudah di-buat perjanjian tadi, tetapi Yamtuan Abdullah rampak-nya payah-lah hendak memadankan diri-nya dengan syarat-syarat baharu itu dengan baik, kerana dalam bulan January tahun 1884 lagi sekali Yamtuan Abdullah kena menanda tangani suatu perjanjian yang lain pula; di-dalam-nya ia mengaku tiada akan pegawai Inggeris bernama Tuan H. O'Brien telah datang ke-Jelebu. Maka di-lihat-nya banyak-lah kerosakan dalam negeri itu yang di-sebabkan oleh pergaduhan pergaduhan yang tiada berkeputusan ini. Mengikut cerita uan itu kata-nya, "Kedaaan negeri Jelebu pada masa ini sangat-lah mendukachitakan. Sungguhpun ada di-dapati tanda-tanda yang menunjukkan belom lama dahulu negeri itu dalam maamordan orang-orang-nya ramai tetapi masa sekarang boleh-lah di-katakan semua tanah-tanah dalam negeri ini tinggal tandang sahaja. Saya telah berjalan berbatu-batu jauh-nya melalui beberapa buah kampong yang telah di-tinggalkan orang, tetapi di-keiling kampong-kampong itu beberapa banyak sawah-sawah dan ladang-ladang padi yang chamek-chamek dan pokok-pokok buah2buahan maseh berbuah lagi.

Tentang kekusutan ini Dato' Undang Saiyid Ali menerangkan ada-lah dalam adat-nya Yamtuan Jelebu itu di-angkat dengan persetujuan Dato' Undang serta ketua2 di-Jelebu jadi Tampok Keadilan sahaja, jika sa-sa-orang akan di-hukum bunuh akan hal-nya sa-belom di-salng atau di-panchong, Dato' Undang, Dato' Kepala Warith2 serta Dato' Lembaga misti bersama2 berkebulatan menyiasat kesalahan2-nya sa-belom hukuman di-jalankan. Sa-lepas siasatan yang teliti dan jika di-dapati thabit kesalahan-nya ia misti di-bunuh maka sama2 Undang dan Yamtuan maka baharu-lah di-jalankan oleh sebab dalam undang2 Adat-nya Keris Penyalang Undang Yang Punya, Tali pengikat Lembaga yang punya, Pedang Pemachong pada Keadilan. Sara hidup Yamtuan yang di-tetapkan itu tadi di-beri oleh Undang dan ia sahaja akan memungut hasil dari chukai dan bia dari apa2 yang patut. Yamtuan misti berpuas hati dengan apa yang di-beri oleh Undang itu tidak boleh memungut atau membuat anggaran perbelanjaan-nya sendiri ini akan di-uruskan oleh Undang. Ia umpama Ular Besar apa yang ada pada tangan Undang itu sahaja yang patut di-beri dan di-terima.

Lagi pun sakira-nya Yamtuan berfikir hendak membuat apa2 ranchangan ia ta' boleh bertitah dengan tidak memberi tahu Undang. Ia tidak boleh membuat pakatan2 dengan suku2 di-luak dan anak2 buah lembaga. Jika Yamtuan melanggar Kanunan Adat ini ia akan terbuang ka-Lust Ta' Berombak atau di-Padang Ta' Berumput, akas-nya ia akan di-singkirkan dari negeri itu. Dan jika Undang pula melanggar-nya maka ia akan di-maruk hingga mati oleh Aindika Yang Mahasakti dari Pagar Ruyong, dan jika sa-sa-orang Lembaga melanggar-nya ia akan di-makan oleh Pedang yang Sakti yang Mahatajam dan ini-lah kanunan undang2 adat perpatih di-Jelebu yang di-amalkan dan di-pakai sebagai saloran di-atas segala lanteikan dan jayatan dalam hal adat. Bagitu-lah undang2 yang membolehkan sa-orang itu di-buang negeri atau di-bunuh atau di-panchong atau di-pechat.

Pergolakan kuasa ini menyebabkan pergaduhan yang tersebut di atas Dato' Lela Angsa Hj. Othman yang menyebelahi pada Yamtuan Abdullah itu ia-lah juga menjadi setiausaha negeri atau lembaga bagi Yamtuan di-Istana-nya dan juga ia Lembaga Suku Tiga Batu. Sebab-nya lembaga itu ada-lah mengikut nisab sa-belah ibu Yamtuan itu ia-lah suku tiga batu. Dalam adat-nya ia ada perhubungan terus2an dari Undang kepada Yamtuan, Undang menyampaikan sabda-nya melalui Dato' Menteri-nya dan ia menyampaikan pada Yamtuan melalui Dato' Lela Angsa, sebagai Kunchi Raja Langsa Kuchi Undang Menteri dan bagitu juga sa-balek-nya. Dato' Undang Saiyid Ali Alhajri bertindak memecat dato2 yang menyebelahi Yamtuan hingga menyebabkan pergolakan yang tersebut. Pergolakan kuasa yang rumit ini meruncing hingga beberapa lama. Lembaga2 itu tidak mengakui pemecatan mereka itu. Maka dengan ini jadi ada dua orang mengaku memegang jawatan2 yang di-pergolakkan itu hingga mabingungkan pemungut khazanah pegawai British itu kerana ada dua Maharaja Indera dan lain2 lagi masa menanda tangani Treati 1883 yang tersebut di atas. Ahat dan Long menyembahkan kepada Sultan Pahang mendaawa chuba tengok perbuatan kuasa Alam, bukan-kah Sungai Teriang anak sungai Pahang. Semua-nya kerana hendak menang dalam helah-nya masing2.

Shahadah pada 13 December tahun 1884 Yamtuan Abdullah pun mangkat-lah Dato' Undang Saiyid Ali pun mengutus kepada menantu (anak-saudara jua) Almarhom Yamtuan Abdullah di-Tampin, Tengku Idris nama-nya, minta datang ka-Jelebu menggantikan almarhom itu. Tengku Idris telah di-songsong oleh Dato' Undang Saiyid Ali di-Sungai Ujong membenarkan ia pergi ka-Jelebu dengan persarujuan British Resident Sungai Ujong di-iringkan oleh dua belas orang mata-mata serta di-bekalkan pula wang sa-ratus ringgit. Apabila Tengku Idris sampai ka-Jelebu di-dapati-nya di-sana telah sedia ada dua orang yang sama2 menuntut hendak jadi Yamtuan Jelebu ia itu sa-orang adinda Yamtuan Abdullah bernama Tengku Muda Chik dan sa-orang lagi putra sulung Yamtuan Abdullah bernama Tengku Nambol. Ada pun Tengku Nambol itu telah di-hantarkan oleh Yamtuan Anah Seri Meranti pergi ka-Jelebu dan di-beri-nya kuasa suruh mengambil pangkat Yamtuan itu. Dato' Undang Saiyid Ali tetap mendirikan Tengku Idris juga bagi Yamtuan Jelebu itu, tetapi kesudahan-nya tiada-lah di-dapati keputusan siapa yang akan menggantikan, jadi Yamtuan itu, pada hal jenazah almarhom Yamtuan Abdullah masih belum di-kebumikan lagi.

Apabila Tuan H. O'Brien mendengar hal yang demikian itu ia pun memberi perintah suruh memakamkan jenazah almarhom Yamtuan Abdullah itu dan di-nyatakan kepada orang ramai bahawa ganti Yamtuan itu terpulang kepada keputusan kerajaan Inggeris, usah-lah di-gadok2kan lagi. Pada 8 June 1885 datang-lah sa-orang pegawai Inggeris bernama Tuan E.P. GUERITZ ka-Jelebu. Tuan itu-lah pegawai Inggeris yang mula2 jadi Pemungut chukai di-situ.

Pada masa ia mula2 jadi Pemungut Chukaidi-situ pertama2 perkara yang diminta oleh Undang Jelebu kepada-nya ia-lah supaya pangkat Yamtuan dalam Jelebu itu di-buang lingsong. Kerajaan Inggeris sangat-lah bersatufu dengan kehendak Dato' Undang itu, kerana hanya itu-lah sahaja jalan yang dapat memadamkan huru-hara di-Jelebu itu.

BRITISH MULA MENCHENGKAM.

Dalam hal pertama perminakaan Undang Jelebu itu ia sudah dapat kata sapakat dari Dato' Warith dan Lembaga-nya yang delapan bersama berkebulatan meyakong apabila mereka faham ia itu Undang di-sokong oleh Kerajaan, British yang baharu sampai di-Jelebu itu. Dalam bulan July tahun 1885 itu juga perkara Yamtuan itu telah di-serahkan oleh orang2 Jelebu kepada maaluman Tuan British Resident


sendiri. Maka sunggupun dalam tahun 1886 bulan February ada pula orang2 Jelebu membuat surat permintaan hendak mengadakan balek Yamtuan itu, tetapi dalam bulan March tahun itu juga pada masa Tuan Gabnor Negeri2 Selat melawat Jelebu, orang2 Jelebu telah memutuskan fikiran-nya ia itu Jawatan Yamtuan Jelebu itu hendak-lah di-mansuhkan langsung. Dato' Lela Angsa pun di-hapuskan dalam hal Yamtuan, ha-nya jadi Tua suku tiga batu sahaja tidak ada lagi bahagian-nya dalam ertikata adat meng-ikut nisab dari sebelah ibu Yamtuan Jelebu.

Kesudahan-nya dalam bulan September tahun 1886 di-perbuat-lah satu perjanjian di-antara Jelebu dengan kerajaan Inggeris. Dalam perjanjian itu di-sahkan ia itu sa-orang pegawai British hendak-lah di-kekalkan diam di-Jelebu sebagaimana sebutan orang2 Jelebu ia itu Dato' Undang dan warith serta lembaga menerima naungan kerajaan British dan mengaku mengikut nasihat-nya. Kerajaan British di-minta menjaga serta menyelamatkan peratoran pemerintahan Jelebu. Dari samanjak itu-lah mula2-nya Kerajaan British betul2 menaongi Jelebu khas-nya mula mencheng-kankan kuku pemerintahan-nya.

Dengan persatujuan bersama dengan kerajaan British dan pehak Jelebu lalu Sungai Dua di-jadikan sempadan antara Jelebu dan Pahang. Mengikut sempadan orang2 Biduanda dabulu sempadan2-nya di-tetapkan pada beberapa masa di-tempat2 ini, tiap2 perubahan ada-lah peralahan bagi pehak Jelebu jadi sempadan (1) Telok Merbau-Seratus (2) Lompatan Beruang (3) Meranti Sembilan (4) Pasir Kelambu (5) Jambu Runtuh (6) Kuala Poh di-sini ada rumpun aur duri di-tanam oleh To' Kaya Hasan Temerloh, khabar-nya maseh ada juga tanda atau rumpun itu lagi. (7) Kuala Seme'ih (8) Sungai Dua. Terdahulu daripada-nya sebutan untuk Jelebu ia-lah termasuk segala negeri di-lengkongan bukit2 ini di-sabelah Pahang hingga:- Melambai Berangga, Penyabong, Beras Ginting, Terak, Hidong, Hitam, Telemong, Sepam dan Hantu. Di-sabelah Selangor Genting Piras, Pantur, Rambut, Nior Rambang, Genting Impan, dan Silang. Di-sabelah Semujong, Bukit Tangga, Batu Bo'k, Salai Luhok Jin, Busong Labor, Runtuh dan Besar. Dari saat itu-lah jajahan Jelebu masok bernaong betul di-bawah naungan British.

INI IA-LAH SALASILAH YAMTUAN2 JELEBU


isteri yang kedua X Raja Adil X Che' Menek (Suku Tiga Batu)
nama-nya tiada
di-ketahui



BAB VIII KENABOI DAN ULU KLAWANG

Kenaboi ia-lah menjadi sabagai sabahagian daripada tanah yang di-perakui oleh warith menteri, tetapi lapangan yang telah terbuka dan maju dan di-diami oleh orang2 Melayu yang berhuma dan berladang itu ada-lah kebanyakan-nya orang2 yang berasal dari Pahang. Maka tersebut-lah kesah di-zaman Dato' Menteri Tabuan ada sa-orang Melayu Pahang bernama To' Penglima Muda datang berhijrah ke-Kenaboi dengan sa-kumpulan pengikut2-nya dari Pahang lalu meminta izin untuk menempat kebenaran Dato' Menteri untuk membuat kampung di-muara Sungai Kenaboi. Permintaan mereka itu di-perkenankan oleh Dato' Menteri Tabuan, lalu lah mereka meneroka di-Kuala Sungai Kenaboi. Waktu kesampaian mereka itu khabar-nya telah pada zaman Dato' Undang Saiyid Ali maseh budak2 lagi dan ini ada-lah kira2 dalam tahun 1830.

Mereka membayar wang hasil tanah pada Dato' Menteri Tabuan, tetapi apabila ia mati dan pertelingkahan terjadi untuk mencari ganti-nya, maka Panglima Muda pun turun ke-Sungai Ujong lalu menyembahkan taat setia-nya kepada Dato' Klana. Persembahan-nya di-terima sahingga mati Klana itu dan Dato' Klana baru bila timbul maka akan hasil tanah itu di-hamar-nya kepada Dato' Undang Jelebu, dengan persetujuan bersama. Dato' Menteri Baharu membantah perkara hasil ini tetapi tidak berjaya. Dato' Panglima Muda di-gelarkan oleh menantu-nya To' Sultan Garang dan ia-nya di-gelarkan oleh anak-nya oleh sebab penyakit kusta ia itu To' Muda Derus, dan ia juga jadi penghulu mukim. Rajah di-bawah ini menunjukkan perhubungan Dato' Abdullah dengan Tua di-Kenaboi.



Ada-lah di-cheterakan ia itu penduduk Melayu Ulu Klawang ada-lah dari keluarga sa-puak peneroka2 lain dari yang datang melalui Ganting Langkat dan tinggal di-Ulu Jelebu itu. Mereka ini memasokki perayeran Pahang dengan jalan Bukit Tangga atau Bukit Silang (Antara Tangga dan bukit Ulu Beranang) telah membawa adat resam mereka sendiri, mempunyai penghulu sendiri serta tingk balak Dato' Klana Sungai Ujong, dan sabenar-nya hingga sampai naongan British dan salepa-nya maseh tidak terikat ke-Jelebu. Kebebasan ini di-akui oleh Undang Jelebu mengikut chatitan Tuan H. O'Brien Klawang pun pada satu masa dahulu di-katakan bahwa anak Ujong juga oleh sebab pada satu masa anak Dato' Undang Jelebu telah mengeset anak perawan Penghulu Klambu dan di-paksa mengahwini-nya. Wang untuk kawari tanda ia berapa menchukupi oleh sebab itu Undang Jelebu telah memberi Klawang sebagai

Ujong ia itu bahagian sebelah kanan Ulu Sungai Ka-Sungai Ujong dan ka-bawah hingga ka-Lubok Kerbau Balar. Untuk ukuran yang betul Yamuan menghendaklanya misti dengan persatuan kerajaan Sungai Ujong. Cherita ini tidak ada hubungan-nya dengan sejarah. Dalam satu cherita lagi khabar-nya Dato' Undang Sendiri yang menhemarkan To' Dusun itu-lah nama perawan itu yang lain pula Yamuan Jelebu, yang lagi To' Malika atau To' Adek atau To' Tempurong Kemir dan mengikis satu cherita lain di-Ulu Klawang ia-lah Penghulu Klawang dan ada-lah akibat-nya ia-lah tarah yang di-beri itu ia-lah sa-keping tanah dari Lubok Batu ka-Rambai Baris di-kiri kanan Klawang mengalir ka-bawah.

To' Dusun ia-lah kakak Moyang Jerai, sa-orang ahli sihir yang memecahkan dua keping batu yang menderam di-sungai Terlang dan mendatarkan-nya selama2-nya. Ia-lah sekarang Harimau Puaka yang pernah mangharu Kampong Semban oleh sebab2-nya ia sendiri yang tahu. Bapa-nya pula ia-lah sa-orang yang banyak ilmu tidak lain dari Dato' Klambu itu juga.

Ada juga cherita menyebutkan kerah Undang Jelebu menghantar hamba-nya dengan sa-ekor kerbau balar pada Klana dan Klana sa-balek-nya membunuh-nya bila ia melihat pemberian yang tidak berharga itu. Hamba-nya yang malang itu ia-lah Tahar atau Untong, dan kematian-nya menyebabkan pergolakan dengan Klana dengan sebab perbuatan-nya itu. Cherita ini pun tidak boleh di-pakai sangat kenyataan-nya tiada dapat sebab, mengakibatkan pemberian daerah pula tetapi boleh jadi napan daawaan pehak Jelebu pula, barangkali itu-lah sebab dahulu termasuk ka-dalam daerah Sungai Ujong. Yang berikut ia-lah salasilah yang di-dapati di-Ulu Klawang sebagai permulaan-nya. Dari Minangkabau datang sa-orang chuchu perempuan Merah Pateh dan sapupu Batin Merah Galang bernama Dari Putri. Ia pergi ka-Palembang dan dari situ ka-Linggi dari sini ia pergi ka-Klang pula. Di-Klang ia berkahwin dengan To' Enggang Sati. Ia duok di-sana selama lepas tahun bulan dan beroleh anak dengan To' Sati sa-orang anak perempuan Genta Permai yang pergi ka-Bandar Beranang dan kahwin dengan To' Nahudum Sati. Ia-nya beranak sa-orang laki2 To' Dongot yang di-beri gelaran Batin Puteh Si-Amang Puteh oleh Merah Galang dan memerintah Bandar Beranang, dan Semamak pergi ka-Pantai dengan kakak-nya Demah dan jadi To' Mendeka Menteri. Anak perempuan-nya yang bongsu To' Serai Tinggal saketika dengan abang-nya Siangang Puteh, di-Bandar Beranang, dan lepas itu menyeberang ka-Ulu Klawang dengan Jalan bukit Silang di-mana ia bertemu Dollah Hakim buapak suku-nya. Darimana ia ini sabenar-nya tidak dapat di-ketahui sabenar-nya serta juga To' Begal yang berkahwin dengan To' Serai. Anak laki2-nya Pan Net, dan chuchu-nya Lendut dan Mentek jadi Penghulu Ulu Klawang bergeler2 dan ia-lah Mentek yang membawa balek jenazah Yamuan Jaya dari Pantai ka-Pita Serambai. Apabila ia mati dua lagi keturunan keluarga-nya mendaawa jawatan itu lalu persatuan telah tercapai yang mana menjadikan tiga perut ia itu Kampong Berangan Kampong Bukit Peraduan dan Rambai Baris (Warith Asah) yang boleh menyandang jawatan penghulu bergeler2.


Penghulu2-nya ia-lah

To' Abu Bakar atau Bukit
To' Badisun atau Sabun
To' Dusun

Warith Tanjong Lurangan.
" Kg. Bukit Peraduan.
" Tanjong Berangan.

Pilihan pada yang ketiga ini telah menyebabkan kekacauan yang besar oleh sebab warith perut Rambai Baris telah tidak di-ambil. Hal ini telah di-beri tahu ka-Pantai tetapi oleh sebab Dato' Klana Usah pada masa itu berada di-Singapura, maka

Dato' Undang Sayfid Ali menyatakan ka-sanggupan-nya jadi pendamai antara orang tengah. Sabda-nya telah di-terima ia itu keputusan-nya To' Dusun di-lantikan jawatan-nya dan di-lantik Dato' Amar Idris dari warith Rambai Baris menandatangani gelaran Tua itu. Gelaran ini ia-lah untuk Tua warith itu dan ini lebih tinggi daripada penghulu mukim yang ada sa-lepas naongan British, penggilan Dato' Penghulu di-gunakan oleh orang2 Jelebu untuk chuma dua orang sahaja ia itu Dato' Undang Jelebu dan Dato' Amar Penghulu Ulu Klawang sebagai ketua orang2 Ulu Klawang. Yang lain itu di-kenal sebagai penghulu mukim sahaja. Gelaran Dato' Amar ha-nya untuk penghulu warith Suku Biduanda warith Ulu Klawang sebagai kepala keluarga warith Sungai Ujong. Tetapi ia sama juga menggunakan kedudukkan yang baharu itu. Ini adalah chatatan perharian Pegawai British selepas enam bulan di-Jelebu menandatangani kebebasan sabagaimana sa-belom naongan British. Ini ada-lah oleh sebab bahawa ia dalam yang mengasingkan-nya dari Sungai Ujong dan tanah di-raja di-Pita Serambi di-antara-nya dan Jelebu. Dengan Pita Serambi Penghulu2 Ulu Klawang ada di-undang rapat dan orang2 di-raja hari ini ada menyebut sebutan2 lama yaani apa yang di-ucapkan dari Dato' Amar Penghulu ia-lah menampal atau titian jika ada kekecewaan yang lain lagi di-antara semua pihak. Bagitu-lah sebab-nya apabila Residen British sudah menyukai Sungai Klawang sebagai sempadan Jelebu dengan daerah-nya maka sudah di-undang Ujong maka Yamtuan Abdullah bersatu dengan musuh-nya Dato' Undang Sayfid Ali dalam melawan penchabulan yang sabagitu rupa kerana Yamtuan bersatu dengan penchabulan dalam daerah dari bandar Berangan hingga ka-Sungai Melintang itu. Sempadan di-antara Klawang hingga ka-Lubok Batu. Penghulu2 Rambai Baris ia-lah seperti berikut yang ada memegang jawatan ia-lah yang berchap huruf Idris.



Di-antara Mentek dan Idris datang-nya tiga wakil dari perut bandar berang dan Kampong Bukit peraduan sabagaimana yang telah di-sebut. Di-antara pesa-nya Rambai Baris ia-lah sa-keping kertas mengandungi chap Mohor Abdul Jamil dan di-anggap sebagai surat lantikan di-beri oleh Yamtuan Jelebu tetapi Dato' yang ia-lah pada To' Dollah Hakim. Ia-nya telah mati lama sa-belom-nya ada di-undang Jelebu dan keganyilan tulisan dan karangan hal kuasa sudah terang mengandungi surat belaka. Bagi kesimpulan-nya ia itu orang2 Melayu Ulu Klawang mempunyai jawatan asal-nya, seperti juga Tua-pa' dan gelaran-nya dari Sungai Ujong dan ia-lah hingga masa ini juga mengadap ka-balai Undang Luak-Jelebu dan tidak lagi di-undang Sungai Ujong.